



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

PENGURUSAN AKTIVITI AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

KEDAH

TAHUN 2018 SIRI 3

JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

**PENGURUSAN AKTIVITI AGENSI DAN
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI**

**NEGERI KEDAH
TAHUN 2018
SIRI 3**

**Jabatan Audit Negara
Malaysia**

KANDUNGAN

KANDUNGAN

**MUKA
SURAT**

PENDAHULUAN

vii

**AKTIVITI AGENSI DAN PENGURUSAN
SYARIKAT KERAJAAN NEGERI**

MAJLIS PERBANDARAN KULIM

1. Pengurusan Papan Iklan 1 - 3

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI KEDAH

2. Kumpulan Ladang-Ladang Perbadanan Kedah
Sdn. Bhd. 2 - 3

PENUTUP

3 - 3

AKRONIM

4 - 3

PENDAHULUAN

PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit penyata kewangan, pengurusan kewangan, aktiviti jabatan/agensi serta pengurusan syarikat Kerajaan negeri. Laporan mengenai pengauditan yang dijalankan hendaklah disediakan dan dikemukakan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Kedah. Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan memperkenan supaya laporan itu dibentangkan di Dewan Rakyat manakala Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Kedah pula akan memperkenan untuk dibentangkan di Dewan Undangan Negeri Kedah. Bagi memenuhi tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara (JAN) telah menjalankan empat (4) jenis pengauditan seperti berikut:

1.1. Pengauditan Penyata Kewangan – untuk memberi pendapat sama ada penyata kewangan Kerajaan negeri/Badan Berkanun Negeri/Pihak Berkuasa Tempatan/Majlis Agama Islam bagi tahun berkenaan menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini;

1.2. Pengauditan Pematuhan – untuk menilai sama ada pengurusan kewangan di jabatan/agensi negeri telah dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan kewangan yang berkaitan;

1.3. Pengauditan Prestasi – untuk menilai sama ada sesuatu aktiviti Kerajaan negeri dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan berkesan bagi mencapai objektif yang ditetapkan; dan

1.4. Pengauditan Pengurusan Syarikat Kerajaan – untuk menilai sama ada pengurusan syarikat Kerajaan negeri telah dilaksanakan dengan teratur.


2. Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2018 Siri 3 ini hanya meliputi pengauditan prestasi dan pengurusan syarikat Kerajaan, yang mengandungi perkara yang telah dibangkitkan hasil daripada pengauditan terhadap aktiviti di satu (1) agensi dan satu (1) syarikat Kerajaan Negeri Kedah. Pengauditan terhadap aktiviti agensi Kerajaan merupakan pengauditan prestasi yang dijalankan selaras dengan Seksyen 6(d), Akta Audit 1957. Pengauditan terhadap syarikat Kerajaan pula dijalankan selaras dengan Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 dan Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2017 [P.U(A) 294] yang telah diwartakan pada 30 September 2017. Pelaksanaan pengauditan berpandukan kepada piawaian pengauditan antarabangsa yang dikeluarkan oleh *The International Organisation of Supreme Audit Institutions (INTOSAI)*.

3. Pada kebiasaananya, LKAN hanya dibentangkan sebanyak dua (2) siri sahaja bagi setiap tahun. Bagaimanapun untuk LKAN tahun 2018, JAN menerbitkan tiga (3) siri LKAN berikutan dengan penambahan bilangan pengauditan prestasi dan pengurusan syarikat Kerajaan negeri untuk tahun 2018. Pada asalnya, LKAN Siri 3 ini dijadual untuk dibentangkan dalam sidang Dewan Rakyat pada bulan Mac 2020, dan setelah itu dibentangkan pula dalam sidang Dewan Undangan Negeri. Namun disebabkan oleh penangguhan sidang Dewan Rakyat dan Perintah Kawalan Pergerakan akibat Covid-19, kerja-kerja pemuktamadan LKAN Siri 3 turut terjejas. Walaupun terdapat kelewatan dalam pembentangannya di Dewan Rakyat, namun nilai penemuan audit dan *lessons learnt* yang dilaporkan LKAN Siri 3 ini masih relevan dalam menambah baik pengurusan program/aktiviti Kerajaan serta pengurusan syarikat Kerajaan.

4. Seperti tahun yang lalu, ketua jabatan yang berkenaan telah dimaklumkan terlebih dahulu tentang perkara yang dilaporkan dalam laporan ini untuk tujuan pengesahan. Pemerhatian Audit telah dikemukakan kepada ketua jabatan terlibat dan mereka juga telah dimaklumkan mengenai isu yang dibangkitkan semasa *Exit Conference* diadakan. Penemuan Audit yang penting sahaja telah dilaporkan dalam laporan ini untuk memaklumkan kepada *stakeholders* mengenai kelemahan yang dikesan. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak sembilan (9) syor untuk diambil tindakan oleh agensi dan syarikat berkenaan.

5. Saya berharap laporan ini akan digunakan sebagai asas untuk memperbaiki segala kelemahan dan memantapkan usaha penambahbaikan dalam pelaksanaan aktiviti Kerajaan negeri. Selain meningkatkan akauntabiliti dan integriti penjawat awam, laporan ini juga diharap dapat membantu menimbulkan kesedaran melalui *lessons learnt* bagi membolehkan Kerajaan mendapat *value for money* untuk setiap perbelanjaan yang dibuat.

6. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai agensi dan syarikat Kerajaan negeri yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pegawai JAN yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.



(DATO' NIK AZMAN NIK ABDUL MAJID)
Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya
14 Mei 2020

1

MAJLIS PERBANDARAN KULIM

- Pengurusan Papan Iklan

RINGKASAN EKSEKUTIF

MAJLIS PERBANDARAN KULIM

PENGURUSAN PAPAN IKLAN

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- Pengauditian melibatkan pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan lesen papan iklan luar dan iklan premis perniagaan bagi tahun 2016 hingga bulan Jun 2019 yang meliputi dua (2) bidang utama Audit, iaitu prestasi aktiviti dan pengurusan aktiviti.
- Prestasi aktiviti dinilai berkaitan permohonan dan kelulusan lesen paparan iklan dan prestasi kutipan hasil papan iklan. Pencapaian *outcome* aktiviti adalah dinilai terhadap prestasi kutipan hasil papan iklan berbanding hasil keseluruhan Majlis Perbandaran Kulim (MPKK).
- Pengurusan aktiviti pula dinilai terhadap pengurusan papan iklan luar, perlindungan insurans awam terhadap papan iklan, tempoh kelulusan permit struktur papan iklan, pengurusan kutipan hasil, spesifikasi bagi papan iklan premis perniagaan dan pemantauan serta penguatkuasaan.
- Pengauditian melibatkan tiga (3) Jabatan utama, iaitu Jabatan Perancangan dan Landskap, Jabatan Bangunan dan Jabatan Kesihatan dan Persekutaran di MPKK.

Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Pemasangan papan iklan yang efektif amat penting untuk merangsang pertumbuhan ekonomi kawasan dan seterusnya menjana pendapatan.
- Pengauditian ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan papan iklan telah diuruskan dengan cekap, berhemat dan berkesan bagi merangsang pertumbuhan ekonomi kawasan dan seterusnya menjana pendapatan kepada MPKK selaras dengan pembangunan di daerah Kulim.

Apa yang ditemui Audit?

Berdasarkan skop pengauditian, dapat dirumuskan prestasi aktiviti adalah memuaskan berdasarkan pencapaian kutipan hasil sebenar berbanding sasaran yang ditetapkan. Selain itu, aktiviti papan iklan juga menyumbang antara 1% - 1.1% terhadap keseluruhan hasil MPKK. Namun begitu, pengurusan papan iklan tidak dilaksanakan dengan cekap dan berkesan menyebabkan objektif yang ditetapkan tidak tercapai. Penemuan Audit adalah seperti berikut:

- **Prestasi Aktiviti:**

- prestasi hasil papan iklan bagi tempoh tahun 2016 hingga bulan Jun 2019 adalah melebihi sasaran yang ditetapkan, iaitu RM1.59 juta (104.6%) berbanding sasaran kutipan yang berjumlah RM1.52 juta. Peningkatan hasil adalah disumbangkan melalui kenaikan kadar bayaran lesen papan iklan luar yang mula dikuatkuasakan pada 1 Januari 2016 dan juga peningkatan bilangan premis perniagaan; dan
- prestasi *outcome* kutipan hasil papan iklan berbanding keseluruhan hasil MPKK menunjukkan peningkatan daripada RM382,108 (1%) pada tahun 2016 kepada RM488,776 (1.1%) pada tahun 2018.

- **Pengurusan papan iklan tidak dilaksanakan dengan cekap dan berkesan:**

- kelulusan lesen paparan iklan telah diberikan kepada 79 struktur paparan iklan yang didirikan. Daripada jumlah fail pelesen tersebut, hanya satu (1) pelesen sahaja mendapat kelulusan bagi kebenaran merancang, permit struktur dan lesen paparan iklan. Bagaimanapun, 11 daripada 15 lesen paparan iklan yang diluluskan sebelum tahun 2015 tidak mempunyai kebenaran merancang dan permit struktur;
- kegagalan MPKK memastikan pelesen mematuhi kesemua prosedur berperingkat yang ditetapkan mengakibatkan hasil berjumlah RM2.69 juta tidak dapat dikutip. Ia terdiri daripada hasil tahunan bagi sewa tapak, permit struktur dan lesen paparan iklan berjumlah RM0.60 juta, bayaran proses berjumlah RM25,940 dan gandaan fi terhadap pelesen yang tidak mematuhi peraturan berjumlah RM2.06 juta;
- ketirisan hasil berlaku disebabkan kelulusan lesen paparan iklan tidak mengikut garis panduan yang ditetapkan dan kelemahan penguatkuasaan terhadap papan iklan yang didirikan secara tidak sah. Selain itu, MPKK juga tidak mempunyai satu (1) sistem *online* yang meliputi keseluruhan proses pengeluaran lesen menyebabkan pemantauan dan kawalan yang berkesan di setiap peringkat pemprosesan tidak dapat dilakukan;

- papan iklan luar tidak dilindungi insurans perlindungan awam;
- paparan iklan yang didirikan di atas tanah Kerajaan tidak dikenakan fi bagi LPS berjumlah RM69,550 dan gandaan fi LPS berjumlah RM417,300. Hal ini kerana MPKK tidak memohon Lesen Pendudukan Sementara daripada Pejabat Daerah dan Tanah Kulim; dan
- tindakan penguatkuasaan terhadap papan iklan luar tidak pernah dilaksanakan.

MAJLIS PERBANDARAN KULIM

1. PENGURUSAN PAPAN IKLAN

FAKTA UTAMA

Sehingga Jun 2019

39 lesen papan iklan luar dan 8,497 lesen premis perniagaan diluluskan.

Tahun 2016 Hingga 2019

15 lesen papan iklan luar dan 5,127 iklan premis perniagaan berstatus aktif.

Undang-Undang/ Peraturan

Undang-undang Kecil Iklan (Majlis Perbandaran Kulim) 2010, Akta Kerajaan Tempatan 1976.

Garis Panduan Perancangan Papan Iklan Luar Majlis Perbandaran Kulim (MPKK) Tahun 2015.

Definisi Iklan

Merupakan apa-apa pemberitahuan, poster, papan tanda, tanda tunjuk arah, pengumuman atau penerbitan yang dipamerkan.

Objektif

Menyelaras proses kelulusan pemasangan papan iklan mengikut garis panduan dan seterusnya meningkatkan hasil kutipan serta imej daerah Kulim.

1. LATAR BELAKANG

1.1. Majlis Daerah Kulim ditubuhkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 telah dinaiktaraf ke Majlis Perbandaran Kulim (MPKK) pada bulan Ogos 2001. Berdasarkan Taklimat oleh YB. Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah di Majlis *Executive Talk* pada 23 Julai 2019 menyatakan bahawa Kerajaan Pusat telah meluluskan projek berimpak tinggi bernilai RM3.9 bilion melibatkan daerah Kulim. Projek yang dirancang adalah pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa Kulim (KXP), Lebuhraya Koridor Utara Fasa 1A (Bandar Baharu-Sungai Petani) dan Hub Industri Pembuatan dan Logistik. Projek infrastruktur berkenaan dijangka mampu menjadi pemangkin kepada Kedah bagi mencapai kemajuan setanding negeri lain. Selaras dengan pembangunan di daerah Kulim, pemasangan papan iklan yang efektif amat penting untuk merangsang pertumbuhan ekonomi kawasan dan seterusnya menjana pendapatan kepada MPKK.

1.2. Undang-Undang Kecil Iklan (Majlis Perbandaran Kulim) 2010, Akta Kerajaan Tempatan 1976 menyatakan iklan merupakan apa-apa pemberitahuan, poster, papan tanda, tanda tunjuk arah, pengumuman atau penerbitan yang dipamerkan. Terdapat dua (2) kategori iklan iaitu papan iklan luar seperti *billboard*, iklan dinding serta iklan bumbung dan papan iklan premis perniagaan iaitu papan tanda yang diletakkan di premis perniagaan. Pengurusan papan iklan adalah berdasarkan Garis Panduan Perancangan Papan Iklan Luar Majlis Perbandaran Kulim (MPKK) Tahun 2015. Pembinaan dan pemasangan struktur papan iklan dan paparan iklan di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) perlu mendapat kebenaran tuan tanah, kelulusan permit struktur dan lesen paparan. Jabatan/agensi kerajaan yang terlibat dalam pengurusan pembinaan dan pemasangan struktur papan iklan serta paparan iklan adalah PBT, Jabatan Kerja Raya (JKR) serta Pejabat Daerah dan Tanah (PDT). Kelulusan tapak

di tanah Kerajaan negeri diperoleh daripada Pihak Berkuasa Negeri (PBN) secara Lesen Pendudukan Sementara (LPS) beserta kelulusan daripada pihak berkepentingan seperti PDT, JKR dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) mengikut keperluan.

1.3. Hasil berkaitan papan iklan di MPKK dipungut melalui tiga (3) Jabatan, iaitu Jabatan Perancangan dan Lanskap, Jabatan Bangunan serta Jabatan Kesihatan dan Persekutaran. Bagi tempoh tahun 2016 hingga bulan Jun 2019, kutipan hasil yang dikutip adalah berjumlah RM1.59 juta. Jabatan Perancangan dan Lanskap menguruskan kelulusan kebenaran merancang dan kutipan sewa tapak. Jabatan Bangunan menguruskan kelulusan permit struktur papan iklan dan mengutip bayaran permit struktur. Bahagian Pelesenan di Jabatan Kesihatan dan Persekutaran bertanggungjawab meluluskan lesen pengiklanan dan mengutip bayaran lesen paparan iklan bagi papan iklan luar dan iklan premis perniagaan. Sehingga bulan Jun 2019, sebanyak 39 lesen papan iklan luar dan 8,947 lesen papan iklan premis perniagaan diluluskan MPKK. Daripada jumlah tersebut, jumlah yang berstatus aktif adalah 15 lesen papan iklan luar dan 5,127 lesen iklan premis. Objektif Pengurusan Papan Iklan di MPKK adalah menyelaras proses kelulusan pemasangan papan iklan mengikut garis panduan dan seterusnya meningkatkan hasil kutipan serta imej daerah Kulim.

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan papan iklan telah diuruskan dengan cekap, berhemat dan berkesan bagi merangsang pertumbuhan ekonomi kawasan dan seterusnya menjana pendapatan kepada MPKK selaras dengan pembangunan di daerah Kulim.

3. SKOP PENGAUDITAN

3.1. Skop pengauditan meliputi pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan lesen papan iklan luar dan iklan premis perniagaan bagi tahun 2016 hingga bulan Jun 2019 di MPKK. Pengauditan ini meliputi dua (2) bidang utama yang disemak iaitu prestasi dan pengurusan aktiviti papan iklan. Prestasi aktiviti papan iklan dinilai berdasarkan tiga (3) perkara iaitu prestasi permohonan dan kelulusan lesen, prestasi kutipan hasil dan prestasi *outcome* kutipan hasil. Manakala pengurusan aktiviti papan iklan meliputi enam (6) perkara iaitu pengurusan papan iklan luar, papan iklan tidak dilindungi insurans, kelewatan kelulusan permit struktur, pengurusan kutipan hasil, papan iklan premis perniagaan tidak mengikut spesifikasi dan pemantauan serta penguatkuasaan.

3.2. Semakan dilakukan terhadap fail permohonan lesen paparan iklan, dokumen bayaran hasil lesen iklan, pemantauan dan penguatkuasaan papan iklan. Pemilihan sampel melibatkan 114 papan iklan luar, 50 papan iklan premis perniagaan dan analisis keseluruhan data pengiklanan Bahagian Pelesenan. Pengesahan juga dijalankan dengan PDT Kulim berkaitan kelulusan LPS bagi papan iklan luar yang berada di atas tanah Kerajaan negeri.

4. METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak fail, rekod, dokumen serta menganalisis data berkaitan pengurusan papan iklan luar dan iklan premis perniagaan di MPKK. Lawatan Audit dan pemeriksaan fizikal di lokasi papan iklan luar dan premis perniagaan serta temu bual dengan pegawai yang terlibat turut diadakan untuk mendapat pengesahan.

5. RUMUSAN AUDIT

5.1. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Jun 2019 hingga Ogos 2019 merumuskan perkara seperti berikut:

a. Prestasi Aktiviti

- i. Bagi tempoh tahun 2016 hingga bulan Jun 2019, MPKK hanya menerima dua (2) permohonan kebenaran merancang dan tiga (3) permohonan permit struktur papan iklan untuk diproses. Dua (2) permohonan kebenaran merancang, dua (2) permohonan permit struktur telah diluluskan manakala satu (1) permohonan permit struktur masih dalam proses kelulusan.
- ii. Prestasi hasil papan iklan bagi tempoh tahun 2016 hingga bulan Jun 2019 adalah melebihi sasaran yang ditetapkan iaitu RM1.59 juta (104.6%) berbanding sasaran kutipan yang berjumlah RM1.52 juta. Peningkatan hasil adalah disumbangkan oleh kenaikan kadar bayaran lesen papan iklan luar yang mula dikuatkuasakan pada 1 Januari 2016 dan juga peningkatan bilangan premis perniagaan.
- iii. Prestasi *outcome* kutipan hasil papan iklan berbanding keseluruhan hasil MPKK menunjukkan peningkatan daripada RM382,108 (1%) pada tahun 2016 kepada RM488,776 (1.1%) pada tahun 2018.

b. Pengurusan Aktiviti

- i. Pengurusan papan iklan luar yang dilaksanakan MPKK adalah kurang cekap. Ini kerana kelulusan permohonan kebenaran merancang, kelulusan permit struktur dan lesen paparan iklan luar dibuat tanpa memastikan kelulusan berperingkat dipatuhi. Kelulusan permit struktur hanya boleh dikeluarkan apabila permohonan kebenaran merancang telah diluluskan. Begitu juga kelulusan lesen paparan hanya boleh diluluskan selepas memperoleh kelulusan kebenaran merancang dan kelulusan permit struktur. Ketidakpatuhan kepada peraturan berkenaan menyebabkan MPKK tidak dapat mengutip hasil berkaitan.
 - ii. Selain itu, 111 struktur papan iklan tidak dilindungi insurans. Paparan iklan yang didirikan di atas tanah kerajaan juga tidak dikenakan LPS. Begitu juga pelesen yang diberi lesen paparan iklan tidak menjelaskan bayaran tahunan lesen iklan apabila tempoh sah laku lesen tamat. Keadaan ini berlaku kerana tindakan penguatkuasaan terhadap papan iklan luar tidak pernah dilaksanakan.
- 5.2. Penemuan utama Audit yang perlu diberi perhatian adalah seperti berikut:
- a. Berdasarkan 114 sampel papan iklan luar yang diaudit, didapati berlaku kelemahan dalam aspek seperti berikut:
 - i. MPKK tidak dapat memastikan pelesen telah mematuhi kesemua prosedur yang ditetapkan dan membayar caj/bayaran yang sepatutnya bagi setiap proses yang melibatkan kebenaran merancang, permit struktur dan lesen paparan iklan. Kelemahan ini berlaku kerana MPKK tidak mempunyai satu (1) sistem *online* yang meliputi keseluruhan proses pengeluaran lesen. Hal ini menyebabkan pemantauan dan kawalan yang berkesan di setiap peringkat pemprosesan tidak dapat dilakukan.
 - ii. Akibatnya, berlaku ketirisan hasil berjumlah RM2.69 juta kerana MPKK tidak dapat mengutip hasil berkaitan seperti berikut:
 - kutipan hasil tahunan bagi sewa tapak, permit struktur dan lesen paparan iklan berjumlah RM0.60 juta;
 - bayaran proses berjumlah RM25,940; dan
 - gandaan fi terhadap pelesen yang tidak mematuhi peraturan ditetapkan berjumlah RM2.06 juta.
 - b. sebanyak 111 papan iklan luar tidak dilindungi perlindungan awam;

- c. paparan iklan yang didirikan di atas tanah kerajaan tidak dikenakan fi Lesen Pendudukan Sementara (LPS) sebanyak RM69,550 dan gandaan fi LPS berjumlah RM417,300; dan
- d. Sebanyak lapan (8) pelesen melibatkan 61 paparan iklan belum menjelaskan bayaran lesen iklan bagi tahun 2016 hingga bulan Jun 2019 berjumlah RM264,600.

6. PENEMUAN TERPERINCI AUDIT

Perkara yang ditemui dibincangkan dalam *Exit Conference* pada 8 Oktober 2019 dan maklum balas diterima pada 17 dan 25 September 2019 serta pada 6, 13, 21, 30 Oktober 2019 dan 9 Februari 2020. Penjelasan lanjut mengenainya adalah seperti perenggan berikut:

6.1. Prestasi Aktvit


6.1.1. Prestasi Permohonan dan Kelulusan Lesen Paparan Iklan

- a. Garis Panduan Perancangan Papan Iklan Luar Majlis Perbandaran Kulim (MPKK) Tahun 2015 menetapkan semua lesen paparan iklan hendaklah mendapatkan kelulusan kebenaran merancang dan permit struktur. Permohonan bagi kelulusan kebenaran merancang dan permit struktur perlu dikemukakan secara *online* melalui sistem OSC *Online* MPKK. Permohonan yang diterima dirujuk ke Jabatan Perancangan dan Lanskap untuk diproses bagi kelulusan kebenaran merancang sebelum dirujuk kepada Jabatan Bangunan untuk kelulusan permit struktur.
- b. Setelah mendapat kedua-dua kelulusan, permohonan lesen paparan iklan perlu dikemukakan kepada Bahagian Pelesenan untuk kelulusan. Bagi syarikat pengiklan yang telah mempunyai pelanggan, permohonan lesen paparan iklan hendaklah dikemukakan secara serentak atau selepas pelan struktur dikemukakan. Proses peringkat kelulusan permohonan lesen paparan iklan luar adalah seperti dalam **Rajah 1**.



Sumber: Jabatan Audit Negara

- c. Bagi lesen iklan premis perniagaan, permohonan oleh pemilik perniagaan perlu dibuat bersekali dengan lesen premis perniagaan di Bahagian Pelesenan. Permohonan lesen iklan premis perniagaan tersebut dibuat dengan mengemukakan salinan lakaran iklan beserta ukuran dan gambar yang diluluskan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka seperti yang dikehendaki oleh Garis Panduan tersebut. Lesen ini tidak memerlukan kelulusan kebenaran merancang dan permit struktur.
- d. Carta aliran proses kerja permohonan lesen paparan iklan luar dan premis perniagaan adalah seperti dalam **Carta 1**.



Sumber: MPKK

e. Semakan Audit terhadap daftar permohonan melalui OSC *Online* MPKK mendapati bagi tempoh tahun 2016 hingga bulan Jun 2019, MPKK telah menerima dua (2) permohonan kebenaran merancang dan tiga (3) permohonan permit struktur papan iklan luar. Daripada permohonan tersebut, kelulusan telah diberikan kepada dua (2) permohonan kebenaran merancang dan dua (2) permohonan permit struktur manakala satu (1) permohonan permit struktur masih dalam proses kelulusan. Semakan Audit selanjutnya terhadap daftar permohonan di Bahagian Pelesenan mendapati tiada permohonan bagi lesen paparan iklan luar. Bagi lesen paparan iklan premis perniagaan, Bahagian Pelesenan menerima 1,300 permohonan. Sebanyak 368 permohonan diterima pada tahun 2016, 383 tahun 2017, 374 tahun 2018 dan 175 sehingga bulan Jun 2019. Semua permohonan lesen paparan iklan premis perniagaan yang diterima telah diluluskan. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
BILANGAN PERMOHONAN DAN KELULUSAN PAPAN IKLAN
BAGI TEMPOH TAHUN 2016 HINGGA BULAN JUN 2019

BIL.	JENIS IKLAN	TAHUN	KEBENARAN MERANCANG		PERMIT STRUKTUR		LESEN PENGIKLANAN	
			MOHON	LULUS	MOHON	LULUS	MOHON	LULUS
1.	Papan Iklan Luar (Bil.)	2016	X	X	X	X	X	X
		2017	X	X	2	2	X	X
		2018	2	2	1	X	X	X
		2019	X	X	X	X	X	X
2.	Premis Perniagaan (Bil.)*	2016	TB		TB		368	368
		2017	TB		TB		383	383
		2018	TB		TB		374	374
		2019	TB		TB		175	175
JUMLAH			2	2	3	2	1,300	1,300

Sumber: MPKK

Nota: (*) - Tidak perlu kelulusan kebenaran merancang atau permit struktur

- Tiada (X)
- Tidak Berkenaan (TB)

f. Lawatan Audit telah dibuat pada 14 hingga 16 Julai 2019 di dua (2) lokasi yang diluluskan kebenaran merancang dan dua (2) lokasi yang diluluskan permit struktur papan iklan luar. Pihak Audit mendapati tiga (3) daripada empat (4) lokasi tersebut telah dibina struktur papan iklan yang mempunyai paparan iklan. Semakan Audit selanjutnya mendapati tiada lesen paparan iklan diluluskan bagi dua (2) daripada tiga (3) paparan iklan tersebut kerana tiada permohonan oleh syarikat kepada MPKK. Baki satu (1) paparan iklan telah diluluskan lesen iklan premis perniagaan. Perkara ini berlaku disebabkan kurangnya koordinasi antara Jabatan terlibat dalam memastikan setiap proses telah diberi kelulusan sebelum sesuatu paparan iklan boleh dipamerkan. Di samping itu, tiada tindakan

penguatkuasaan dilaksanakan terhadap syarikat yang memaparkan iklan tanpa lesen. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
BINAAN STRUKTUR DAN PAPARAN IKLAN
WALAUPUN TIADA KELULUSAN LESEN PAPARAN IKLAN

BIL.	KELULUSAN	NO. FAIL	LOKASI	STRUKTUR PAPAN IKLAN	PAPARAN IKLAN
1.	Kebenaran Merancang	MPKK JP & P/KP01/04041/2018	Jalan Perdagangan	/	/
2.	Permit Struktur	MPKK.SEM 10/002/17 (BB)	Taman MBI Desaku	/	/

Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: Ada (/) / Tiada (X)

Maklum Balas MPKK yang Diterima pada 21 Oktober 2019

Majlis Perbandaran Kulim memaklumkan kelulusan lesen paparan iklan memerlukan dokumen sokongan teknikal yang lengkap iaitu kelulusan kebenaran merancang dan permit struktur. Jabatan Kesihatan dan Persekitaran telah mengeluarkan notis kepada dua (2) syarikat terbabit untuk mengemukakan permohonan lesen pada 23 September 2019. Selain itu, Garis Panduan Papan Iklan Luar akan dibentangkan semula dalam Mesyuarat Penuh Majlis pada 31 Oktober 2019 untuk tujuan pemakaian secara berperingkat mulai tahun 2020.

Maklum Balas MPKK yang Diterima pada 9 Februari 2020

Majlis Perbandaran Kulim memaklumkan lesen paparan iklan telah diluluskan kepada dua (2) syarikat pada bulan Disember 2019. Bayaran lesen telah dibuat bagi paparan iklan di lokasi Jalan Perdagangan pada 3 Februari 2020 manakala bagi lokasi Taman MBI Desaku surat tuntutan bayaran telah dikeluarkan pada 1 Disember 2019.

Pada pendapat Audit, prestasi permohonan dan kelulusan papan iklan adalah kurang memuaskan. Tindakan penguatkuasaan tidak diambil terhadap pemilik struktur papan iklan yang tidak mendapat kelulusan lesen paparan iklan.

6.1.2. Prestasi Kutipan Hasil Papan Iklan

- Objektif Pengurusan Papan Iklan oleh MPKK adalah menyelaras proses kelulusan pemasangan papan iklan mengikut garis panduan dan seterusnya meningkatkan hasil kutipan serta imej daerah Kulim. Hasil papan iklan tahunan yang dikutip

oleh MPKK adalah sewa tapak, permit struktur dan lesen pengiklanan yang terdiri daripada lesen paparan iklan luar dan lesen iklan premis perniagaan.

- b. Semakan Audit terhadap laporan prestasi hasil papan iklan bagi tempoh tahun 2016 hingga bulan Jun 2019 mendapati hasil lesen pengiklanan bagi tempoh tersebut berjumlah RM1.59 juta (104.3%) berbanding sasaran berjumlah RM1.52 juta. Hasil permit struktur yang dikutip adalah berjumlah RM18,200 (96.8%) berbanding sasaran iaitu RM18,800. Bagaimanapun, tiada sewa tapak dikenakan kepada pelesen walaupun terdapat ketetapan dalam garis panduan. Semakan Audit selanjutnya mendapati MPKK tidak memohon LPS daripada PDT Kulim dan tidak mengenakan sewa tapak kepada pelesen walaupun struktur papan iklan dibina di atas tanah Kerajaan. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 3.**

**JADUAL 3
SASARAN DAN KUTIPAN HASIL PAPAN IKLAN
BAGI TEMPOH TAHUN 2016 HINGGA BULAN JUN 2019**

TAHUN	PERMIT STRUKTUR			LESEN PENGIKLANAN				
				SASARAN (RM)	KUTIPAN (RM)	PREMIS PERNIAGAAN	JUMLAH KUTIPAN (RM)	PENCAPAIAN (%)
	SASARAN (RM)	KUTIPAN (RM)	PENCAPAIAN (%)	KUTIPAN (RM)	KUTIPAN (RM)	KUTIPAN (RM)	JUMLAH KUTIPAN (RM)	PENCAPAIAN (%)
2016	600	0	0	370,000	52,755	329,353	382,108	103.3
2017	600	200	33.3	370,000	65,455	375,919	441,374	119.3
2018	8,800	1,200	13.6	380,000	176,255	311,321	487,576	128.3
Setakat Jun 2019	8,800	16,800	190.9	400,000	37,355	236,880	274,235	68.6
JUMLAH	18,800	18,200	96.8	1,520,000	331,820	1,253,473	1,585,293	104.3

Sumber: MPKK

- c. Analisis Audit mendapati tiada kutipan hasil permit struktur dicatatkan pada tahun 2016. Kutipan hasil permit struktur bagi tahun 2017 dan 2018 hanya mencapai masing-masing 33.3% dan 13.6% daripada sasaran yang ditetapkan. Bagaimanapun, sehingga bulan Jun 2019 berlaku peningkatan ketara iaitu 190.9% daripada sasaran yang ditetapkan. Peningkatan ini disumbang oleh bayaran semasa dan tunggakan permit struktur bagi tahun sebelumnya yang berjumlah RM11,600.
- d. Analisis Audit selanjutnya mendapati pencapaian kutipan hasil lesen pengiklanan melebihi sasaran yang ditetapkan setiap tahun. Kutipan hasil lesen pengiklanan pada tahun 2017 adalah berjumlah RM441,374 meningkat sejumrah RM59,266 berbanding kutipan pada tahun 2016 yang berjumlah RM382,108. Seterusnya, kutipan hasil lesen pengiklanan telah meningkat kepada RM487,576 pada tahun 2018 dengan kenaikan sejumrah RM46,202 berbanding kutipan tahun 2017. Sehingga bulan Jun 2019, kutipan hasil lesen pengiklanan adalah berjumlah

RM274,235 (68.6%) daripada sasaran yang ditetapkan. Peningkatan hasil lesen pengiklanan disumbangkan melalui kenaikan kadar bagi lesen papan iklan luar yang berkuatkuasa pada 1 Januari 2016 dan juga peningkatan bilangan premis perniagaan. Kenaikan kadar baharu lesen paparan iklan luar adalah seperti dalam **Jadual 4**.

JADUAL 4
KENAIKAN KADAR BAHARU LESEN PAPARAN IKLAN LUAR

BIL.	JENIS IKLAN	KADAR SEBELUM 31 DISEMBER 2015	KADAR BAHARU MULAI 1 JANUARI 2016
1.	Iklan Bercahaya	1m ² pertama= RM75 1m ² seterusnya = RM40	1m ² pertama= RM500 1m ² seterusnya = RM100
	Iklan Tidak Bercahaya	1m ² pertama= RM100 1m ² seterusnya = RM50	
2.	Iklan LED atau Digital	1m ² pertama= RM600 1m ² seterusnya = RM150	1m ² pertama= RM2,000 1m ² seterusnya = RM250

Sumber: MPKK

Maklum Balas MPKK yang Diterima pada 25 September 2019

Majlis Perbandaran Kulim memaklumkan secara *locus standi*, MPKK tidak boleh mengenakan apa-apa sewaan terhadap tapak tersebut kerana LPS masih belum diperoleh daripada PDT Kulim. Walau bagaimanapun, pihak MPKK akan membuat semakan terhadap semua papan iklan di atas tanah Kerajaan bagi tujuan sewaan.

Maklum Balas MPKK yang Diterima pada 9 Februari 2020

Majlis Perbandaran Kulim memaklumkan pihaknya telah memohon LPS daripada PDT Kulim pada 12 Januari 2020 bagi papan iklan yang dibina di atas tanah Kerajaan.

Pada pendapat Audit, pencapaian kutipan hasil papan iklan adalah baik kerana mencapai sasaran yang ditetapkan.

6.1.3. Prestasi *Outcome* Kutipan Hasil Papan Iklan Berbanding Hasil Keseluruhan MPKK

- Hasil lesen, bayaran pendaftaran dan permit merupakan penyumbang ketiga terbesar kepada pendapatan MPKK. Hasil papan iklan merupakan sebahagian daripada kutipan hasil berkenaan. Bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018, hasil lesen, bayaran pendaftaran dan permit berjumlah RM6.70 juta atau 5.3% berbanding hasil keseluruhan MPKK yang berjumlah RM126.23 juta. Sumbangan hasil lesen, bayaran pendaftaran dan permit kepada keseluruhan hasil MPKK telah meningkat iaitu 4.6% pada tahun 2016 kepada 5.5% pada tahun 2018. Sumbangan hasil papan iklan berbanding keseluruhan hasil MPKK menunjukkan

peningkatan daripada 1% pada tahun 2016 kepada 1.1% pada tahun 2018. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 5**.

JADUAL 5
PRESTASI HASIL PAPAN IKLAN BERBANDING KESELURUHAN HASIL MPKK
BAGI TEMPOH TAHUN 2016 HINGGA 2018

BIL.	TAHUN	HASIL KESELURUHAN MPKK (RM) (A)	HASIL LESEN, BAYARAN PENDAFTARAN DAN PERMIT (RM) (B)	(%) (B/A)	HASIL PAPAN IKLAN			(%) (C/A)	(%) (C/B)
					LESEN PENGIKLANAN (RM)	PERMIT STRUKTUR (RM)	JUMLAH (RM) (C)		
1.	2016	40,323,095	1,853,432	4.6	382,108	0	382,108	1.0	20.6
2.	2017	41,213,026	2,406,192	5.8	441,374	200	441,574	1.1	18.4
3.	2018	44,696,066	2,443,798	5.5	487,576	1,200	488,776	1.1	20.0
JUMLAH		126,232,187	6,703,422	5.3	1,311,058	1,400	1,312,458	1.0	19.6

Sumber: MPKK

- b. Analisis Audit mendapati bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018, hasil papan iklan menyumbang RM1.31 juta (19.6%) kepada hasil lesen, bayaran pendaftaran dan permit MPKK. Ia meningkat setiap tahun di mana pada tahun 2017 hasil papan iklan menyumbang RM441,574 (18.4%) terhadap hasil lesen, bayaran pendaftaran dan permit MPKK berbanding RM382,108 (20.6%) pada tahun 2016. Pada tahun 2018, sumbangan ini meningkat kepada RM488,776 (20%) daripada tahun 2017. Peningkatan sumbangan hasil papan iklan ini adalah selaras dengan kutipan hasil lesen, bayaran pendaftaran dan permit MPKK yang juga meningkat setiap tahun.

Pada pendapat Audit, prestasi *outcome* sumbangan hasil papan iklan kepada MPKK adalah baik kerana menunjukkan peningkatan setiap tahun.

6.2. Pengurusan Aktiviti

6.2.1. Pengurusan Papan Iklan Luar

- a. Seksyen 8(1), UUK Iklan MPKK Tahun 2010 menyatakan permohonan lesen iklan hendaklah disertakan salinan kelulusan kebenaran merancang, pelan bangunan, pelan landskap dan jalan. Sebelum tahun 2015, MPKK tidak meletakkan syarat kepada pelesen untuk memohon kebenaran merancang dan permit struktur bagi mendapatkan lesen paparan iklan. Bagaimanapun, Para 6.1 Garis Panduan Perancangan Papan Iklan Luar MPKK Tahun 2015 menetapkan mulai tahun 2015, semua jenis papan iklan hendaklah mendapat kelulusan kebenaran merancang, permit struktur dan lesen paparan iklan. Sehubungan itu, pelesen yang telah diluluskan lesen sebelum tahun 2015 diwajibkan memohon kelulusan

kebenaran merancang dan permit struktur papan iklan luar sebelum memperbaharui lesen tahun berikutnya.

- b. Seksyen 27(3) dan 28(3) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) menyatakan pembangunan yang tidak mendapat kebenaran merancang atau kelulusan pelan bangunan boleh dikenakan fi tambahan 10 kali ganda. Seterusnya, Seksyen 70 (14), Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) menyatakan denda boleh dikenakan bagi kelulusan permit struktur yang tidak mendapat kebenaran PBT. Kadar denda (gandaan fi) yang dikenakan tidak kurang daripada lima (5) kali ganda tetapi tidak lebih daripada 20 kali ganda bayaran yang ditetapkan. Selain itu, Seksyen 10 UUK Iklan MPKK Tahun 2010 pula menyatakan MPKK boleh meluluskan iklan yang telah dipamerkan tanpa lesen dengan kadar atau fi tidak melebihi empat (4) kali ganda lesen tahunan. Sehingga bulan Jun 2019, sebanyak empat (4) kebenaran merancang, lima (5) permit struktur dan 15 lesen papan iklan luar yang diluluskan MPKK berstatus aktif. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 6**.

JADUAL 6
PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG, PERMIT STRUKTUR
DAN LESEN PAPARAN IKLAN YANG DILULUSKAN SEHINGGA BULAN JUN 2019

BIL.	NO. LESEN IKLAN/ NO. FAIL KEBENARAN MERANCANG / PERMIT STRUKTUR	JENIS PERMOHONAN			BILANGAN STRUKTUR
		KEBENARAN MERANCANG	PERMIT STRUKTUR	LESEN PAPARAN IKLAN	
1.	L-9501	X	X	/	5
2.	L-16867	X	/	/	1
3.	L-12416	X	X	/	2
4.	L-6720	X	X	/	1
5.	L-3928	X	X	/	2
6.	L-4444	X	X	/	5
7.	L-10879	X	X	/	1
8.	L-14297	X	X	/	2
9.	L-6544	X	X	/	1
10.	L-4022	X	X	/	2
11.	L-18512	X	X	/	1
12.	L-17621	X	X	/	4
13.	L-20586	/	/	/	1
14.	L-19021	X	Tidak Perlu	/	50
15.	L0018615	/	Tidak Diluluskan	/	1
16.	MPKK.SEM 40/60028/15(BB)	X	/	X	1
17.	MPKK.SEM 10/002/17 (BB)	X	/	X	1
18.	MPKK.SEM 10/001/17	X	/	X	1
19.	MPKK JP & P/KP01/13046/2018	/	Tidak Diluluskan	X	1
20.	MPKK JP & P/KP01/04041/2018	/	X	X	1
21.	Tiada Permohonan	X	X	X	30
JUMLAH					114

Sumber: MPKK

Nota: Ada Permohonan dan Kelulusan (/) / Tiada Permohonan dan Kelulusan (X)

i. Lesen Paparan Iklan Diluluskan Tanpa Kelulusan Kebenaran Merancang dan Permit Struktur

- Semakan Audit terhadap 15 fail pelesen mendapat kelulusan lesen paparan iklan telah diberi kepada 79 struktur paparan iklan yang didirikan. Daripada jumlah fail pelesen tersebut, hanya satu (1) pelesen telah mendapat kelulusan bagi kesemua peringkat terlibat, iaitu kebenaran merancang, permit struktur dan lesen paparan iklan. Sementara itu, sebanyak **11 daripada 15 lesen paparan iklan yang diluluskan sebelum tahun 2015 didapati tidak mempunyai kebenaran merancang dan permit struktur.** Semakan Audit selanjutnya mendapat tiada permohonan dikemukakan pelesen kepada MPKK bagi mendapatkan kelulusan berkenaan sebelum diluluskan pembaharuan lesen selepas tahun 2015.
- Satu (1) pelesen yang telah diluluskan lesen paparan iklan dan kebenaran merancang didapati tiada kelulusan permit struktur. Selain itu, didapati dua (2) pelesen mendapat kelulusan lesen paparan iklan tetapi tiada kelulusan kebenaran merancang. Daripada dua (2) pelesen tersebut, satu (1) pelesen telah diluluskan permit struktur dan satu (1) pelesen tidak perlu memohon permit struktur.
- Berdasarkan perkiraan Audit, anggaran hasil yang patut dikutip sekiranya bayaran proses permohonan kebenaran merancang, sewa tapak dan fi dibuat oleh 13 pelesen adalah berjumlah RM125,050. Selain itu, anggaran hasil yang patut dikutip sekiranya 11 pelesen membuat bayaran proses permohonan permit struktur, permit dan gandaan fi adalah berjumlah RM13,670. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 7** dan **8**.

JADUAL 7
ANGGARAN HASIL BAGI KEBENARAN MERANCANG,
SEWA TAPAK DAN GANDAAN FI YANG PATUT DIKUTIP

BIL. LESEN	BAYARAN PROSES KEBENARAN MERANCANG (13 PERMOHONAN X RM500) (RM)	SEWA TAPAK (MENGIKUT BIL. STRUKTUR) (23 STRUKTUR) (RM)	10 KALI GANDAAN FI (RM)	JUMLAH ANGGARAN HASIL (RM)
13	6,500	53,550	65,000	125,050

Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: Kadar Sewa Tapak bagi 1 m² pertama = RM250 m² seterusnya = RM100

JADUAL 8
ANGGARAN HASIL BAGI BAYARAN PERMIT STRUKTUR
DAN GANDAAN FI YANG PATUT DIKUTIP

BIL. LESEN	BAYARAN PROSES PERMIT STRUKTUR (11 PERMOHONAN X RM70) (RM)	PERMIT STRUKTUR (MENGIKUT BIL. STRUKTUR) (26 STRUKTUR X RM200) (RM)	10 KALI GANDAAN FI (RM)	JUMLAH ANGGARAN HASIL (RM)
11	770	5,200	7,700	13,670

Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: 11 pelesen sahaja perlukan kelulusan permit struktur

- Lawatan Audit ke lokasi papan iklan yang belum mengemukakan permohonan kebenaran merancang dan permit struktur adalah seperti dalam **Gambar 1** hingga **4**.

GAMBAR 1



Jalan Tunku Abdul Rahman, Kulim

- Tiada Permohonan Kebenaran Merancang dan Permit Struktur (14.07.2019)

(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 2



Jalan Junjung, Kulim

- Tiada Permohonan Kebenaran Merancang dan Permit Struktur (14.07.2019)

(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 3



Persimpangan Jalan Sultan Badlishah, Kulim

- Tiada Permohonan Kebenaran Merancang dan Permit Struktur (15.07.2019)

(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 4



Jalan Sultan Badlishah, Kulim

- Tiada Permohonan Kebenaran Merancang dan Permit Struktur (15.07.2019)

(Sumber: Jabatan Audit Negara)

Maklum Balas MPKK yang Diterima pada 25 September 2019

Majlis Perbandaran Kulim memaklumkan surat peringatan telah dikeluarkan pada 23 September 2019 kepada pelesen yang membina papan iklan sebelum tahun 2015 supaya mengemukakan permohonan kebenaran merancang dan permit struktur.

Tindakan pemutihan sedang dilakukan di tiga (3) Jabatan terlibat dan tempoh pemutihan adalah sehingga 31 Disember 2019.

Maklum Balas MPKK yang Diterima pada 9 Februari 2020

Majlis Perbandaran Kulim memaklumkan keputusan Mesyuarat Majlis Penuh Bil. 10/2019 yang diadakan pada 31 Oktober 2019 telah meluluskan pengecualian fi gandaan kebenaran merancang. Pengecualian ini hanya diberikan kepada struktur papan iklan yang telah mempunyai kelulusan permit sementara dan lesen paparan iklan sebelum 1 Januari 2020.

ii. Pembinaan Papan Iklan Mendapat Kelulusan Permit Struktur Tetapi Tanpa Kelulusan Kebenaran Merancang dan Lesen Paparan Iklan

- Semakan Audit mendapati tiga (3) permohonan permit struktur telah diluluskan bagi tempoh tahun 2016 hingga bulan Jun 2019 oleh Jabatan Bangunan. Bagaimanapun, tiga (3) syarikat tersebut masih belum memohon kelulusan kebenaran merancang. Semakan Audit selanjutnya mendapati hanya satu (1) syarikat telah diluluskan lesen iklan premis perniagaan. Selain itu, satu (1) syarikat belum memohon lesen paparan iklan walaupun terdapat paparan iklan dan satu (1) syarikat belum memohon lesen paparan iklan kerana tiada paparan iklan.
- Berdasarkan perkiraan Audit, anggaran hasil yang patut dikutip sekiranya tiga (3) syarikat berkenaan membuat bayaran proses permohonan kebenaran merancang dan fi 10 kali ganda bayaran proses adalah berjumlah RM16,500. Selain itu, **anggaran hasil yang patut dikutip sekiranya satu (1) syarikat yang telah memaparkan iklan tanpa lesen membuat bayaran lesen paparan iklan dan fi empat (4) kali ganda lesen adalah berjumlah RM1.68 juta**. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 9** dan **10**.

JADUAL 9
ANGGARAN HASIL BAGI KEBENARAN MERANCANG
DAN GANDAAN FI YANG PATUT DIKUTIP

BIL.	NO. FAIL PERMIT STRUKTUR	BAYARAN PROSES KEBENARAN MERANCANG (RM500) (RM)	10 KALI GANDAAN FI (RM)	JUMLAH ANGGARAN HASIL (RM)
1.	MPKK.SEM 40/60028/15 (BB) (Gambar 5)	500	5,000	5,500
2.	MPKK.SEM 10/001/17 (Gambar 6)	500	5,000	5,500

BIL.	NO. FAIL PERMIT STRUKTUR	BAYARAN PROSES KEBENARAN MERANCANG (RM500) (RM)	10 KALI GANDAAN FI (RM)	JUMLAH ANGGARAN HASIL (RM)
3.	MPKK.SEM 10/002/17 (BB) (Gambar 7)	500	5,000	5,500
	JUMLAH	1,500	15,000	16,500

Sumber: Jabatan Audit Negara

JADUAL 10
ANGGARAN HASIL BAGI LESEN PAPARAN IKLAN DAN GANDAAN FI YANG PATUT DIKUTIP

BIL.	NO. FAIL PERMIT STRUKTUR	SAIZ PAPARAN IKLAN (m ²)	BAYARAN LESEN PAPARAN IKLAN YANG PATUT DIKUTIP (RM)	4 KALI GANDAAN FI (RM)	JUMLAH ANGGARAN HASIL (RM)
1.	MPKK.SEM 10/002/17 (BB)	1,336	335,750	1,343,000	1,678,750

Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: - Kadar Lesen Iklan Bercahaya/Tidak Bercahaya - 1 m² pertama = RM500, m² seterusnya = RM100
- Lesen Iklan LED - 1m² pertama = RM2,000, 1m² seterusnya = RM250

- Lawatan Audit ke lokasi papan iklan yang belum memohon lesen paparan iklan dan kebenaran merancang adalah seperti dalam **Gambar 5** hingga **7**.

GAMBAR 5



Taman Seri Akasia, Kulim
- Papan Iklan Tanpa Kebenaran Merancang
(16.07.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 6



Taman MBI Desaku, Kulim
- Papan Iklan Tanpa Kebenaran Merancang
(16.07.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)



GAMBAR 7

Taman MBI Desaku
- Papan Iklan Tanpa Kebenaran Merancang dan Lesen Paparan Iklan
(16.07.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

Maklum Balas MPKK yang Diterima pada 25 September 2019

Majlis Perbandaran Kulim memaklumkan notis peringatan bagi mengemukakan permohonan lesen telah dikeluarkan kepada syarikat terlibat pada 23 September 2019.

Maklum Balas MPKK yang Diterima pada 21 Oktober 2019

Majlis Perbandaran Kulim memaklumkan paparan iklan syarikat terlibat adalah menggunakan struktur papan iklan berdinding. Pada masa kini, keperluan kebenaran merancang hanya dikenakan kepada papan iklan *free standing* seperti *unipole* dan *billboard*.

Maklum Balas MPKK yang Diterima pada 9 Februari 2020

Majlis Perbandaran Kulim memaklumkan pihaknya mengambil ketetapan struktur papan iklan berdinding tidak memerlukan kelulusan kebenaran merancang. Kertas Kerja Program Pemutihan Papan Iklan Luar Tanpa Kebenaran dan Garis Panduan Perancangan Papan Iklan Luar telah dibentang dan diluluskan dalam Mesyuarat Majlis Penuh pada 31 Oktober 2019 dan diterima pakai bermula 1 Januari 2020.

iii. Pembinaan Papan Iklan Mendapat Kelulusan Kebenaran Merancang Tetapi Tanpa Kelulusan Permit Struktur dan Lesen Paparan Iklan

- Pada tahun 2018, sebuah syarikat mendapat dua (2) kelulusan kebenaran merancang daripada Jabatan Perancangan dan Landskap bagi mendirikan dua (2) papan iklan di lokasi yang berlainan. Pihak syarikat juga masih belum membuat permohonan permit struktur dan lesen paparan iklan bagi satu (1) papan iklan yang telah didirikan walaupun kelulusan kebenaran merancang telah diperoleh. Selain itu, satu (1) permohonan lesen paparan iklan tidak dapat dibuat kerana permohonan permit struktur tidak diluluskan oleh Jabatan Bangunan. Permohonan permit struktur tidak diluluskan kerana pihak syarikat tidak mengemukakan pelan struktur.
- Mengikut perkiraan Audit, anggaran hasil yang patut dikutip sekiranya pihak syarikat mengemukakan permohonan permit struktur iaitu bayaran proses, permit dan gandaan fi adalah berjumlah RM970. Anggaran hasil patut dikutip bagi bayaran lesen paparan iklan serta gandaan fi adalah berjumlah RM42,000. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 11** dan **12**.

JADUAL 11

ANGGARAN HASIL BAGI PERMIT STRUKTUR DAN GANDAAN FI YANG PATUT DIKUTIP

BIL.	NO. FAIL KEBENARAN MERANCANG	BAYARAN PROSES PERMIT STRUKTUR (RM)	PERMIT STRUKTUR (RM)	10 KALI GANDAAN FI (RM)	JUMLAH ANGGARAN HASIL (RM)
1.	MPKK JP & P/KP01/04041/2018	70	200	700	970

Sumber: Jabatan Audit Negara

JADUAL 12

BAYARAN LESEN PAPARAN IKLAN DAN GANDAAN FI YANG PATUT DIKUTIP

BIL.	NO. FAIL KEBENARAN MERANCANG	SAIZ PAPARAN IKLAN (m ²)	LESEN PAPARAN IKLAN (RM)	4 KALI GANDAAN FI (RM)	JUMLAH ANGGARAN HASIL (RM)
1.	MPKK JP & P/KP01/04041/2018	80	8,400	33,600	42,000

Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: Kadar Lesen Iklan Berbahaya/Tidak Berbahaya 1m² pertama= RM500, m² seterusnya = RM100

- Lawatan Audit ke lokasi struktur papan iklan yang telah dibina beserta paparan walaupun tiada kelulusan permit struktur dan lesen paparan iklan adalah seperti dalam **Gambar 8**.



GAMBAR 8

Jalan Perdagangan, Kulim
- Tiada Permit Struktur dan Lesen Paparan Iklan (14.07.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

Maklum Balas MPKK yang Diterima pada 25 September 2019

Majlis Perbandaran Kulim memaklumkan telah mengeluarkan surat kemuka dokumen yang tidak lengkap untuk proses kelulusan permit struktur pada 5 Ogos 2019. Bagi permohonan lesen paparan iklan pula, kelulusan tidak dapat dibuat kerana memerlukan kelulusan kebenaran merancang dan permit struktur terlebih dahulu. Notis untuk mengemukakan permohonan lesen telah dikeluarkan pada 23 September 2019.

Maklum Balas MPKK yang Diterima pada 9 Februari 2020

Majlis Perbandaran Kulim memaklumkan permit struktur dan lesen paparan iklan bagi syarikat terbabit telah diluluskan. Bayaran permit struktur dan lesen paparan iklan telah dibuat oleh pihak syarikat. Mesyuarat Majlis Penuh Bil. 10/2019 yang bermesyuarat pada 31 Oktober 2019 telah meluluskan pengecualian fi gandaan

melalui Kertas Kerja Program Pemutihan Papan Iklan Luar Tanpa Kebenaran yang dibentangkan.

iv. Pembinaan Papan Iklan Tanpa Kebenaran Merancang, Permit Struktur Papan Iklan dan Lesen Paparan Iklan

- Seksyen 7(1), UUK Iklan MPKK Tahun 2010 menyatakan seseorang tidak boleh memamerkan atau mendirikan apa-apa iklan tanpa lesen yang dikeluarkan oleh Majlis. Berdasarkan Jadual Pertama Seksyen 8(3)(c), kadar fi yang dikenakan bagi paparan iklan adalah RM500 untuk satu (1) meter persegi (m^2) pertama dan tambahan RM100 bagi tiap meter persegi berikutnya. Bayaran permit struktur yang boleh dicaj adalah berjumlah RM200 setahun dan cadangan sewa tapak berjumlah RM300 sebulan.
- Lawatan Audit pada 14 hingga 16 Julai 2019 mendapati **sejumlah 30 daripada 114 papan iklan yang dibina tidak mempunyai kelulusan kebenaran merancang, permit struktur dan lesen paparan iklan**. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 24 struktur papan iklan dibina di atas tanah Kerajaan yang boleh dikenakan sewa tapak. Selain itu, enam (6) struktur papan iklan dibina di atas bangunan persendirian. Anggaran hasil tahunan yang patut dikutip bagi sewa tapak, permit struktur dan lesen paparan iklan adalah berjumlah RM199,200. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 13** dan **Gambar 9** hingga **12**.

JADUAL 13
ANGGARAN HASIL TAHUNAN BAGI PAPAN IKLAN TANPA KELULUSAN KEBENARAN MERANCANG, PERMIT STRUKTUR DAN LESEN PAPARAN IKLAN

BIL.	LOKASI BINAAN STRUKTUR PAPAN IKLAN	ANGGARAN PURATA SAIZ PAPAN IKLAN (m^2)	BIL. PAPAN IKLAN	ANGGARAN HASIL TAHUNAN			
				SEWA TAPAK (RM300/BULAN X 12) (RM)	PERMIT STRUKTUR (RM200/UNIT) (RM)	LESEN (RM)	JUMLAH (RM)
1.	Tanah Kerajaan	35	24	86,400	4,800	93,600	184,800
2.	Bangunan Persendirian	18	6	TB	1,200	13,200	14,400
JUMLAH		30		86,400	6,000	106,800	199,200

Sumber: MPKK dan Jabatan Audit Negara

Nota: Tidak Berkenaan (TB)

GAMBAR 9

Lebuhraya Kulim Butterworth (BKE)
 - Tiada Kebenaran Merancang, Permit Struktur dan
 Lesen Paparan Iklan
 (15.07.2019)
 (Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 10

Simpang Empat Lunas (BKE), Kulim
 - Tiada Kebenaran Merancang, Permit Struktur dan
 Lesen Paparan Iklan
 (15.07.2019)
 (Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 11

Lebuhraya Kulim Butterworth (BKE)
 - Tiada Kebenaran Merancang, Permit Struktur
 dan Lesen Paparan Iklan
 (15.07.2019)
 (Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 12

Lebuhraya Kulim Butterworth (BKE)
 - Tiada Kebenaran Merancang, Permit Struktur
 dan Lesen Paparan Iklan
 (15.07.2019)
 (Sumber: Jabatan Audit Negara)

- Berdasarkan perkiraan Audit, anggaran hasil bayaran proses dan gandaan fi yang boleh dikutip melibatkan 30 papan iklan luar yang melanggar Seksyen 7(1) UUK Iklan MPKK Tahun 2010 adalah berjumlah RM0.62 juta. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 14**.

JADUAL 14
ANGGARAN HASIL YANG PATUT DIKUTIP
TERHADAP PENGUSAHA PAPAN IKLAN TANPA KELULUSAN KEBENARAN
MERANCANG, PERMIT STRUKTUR DAN LESEN PAPARAN IKLAN

BIL. PAPAN IKLAN	BAYARAN PROSES KEBENARAN MERANCANG (RM500/ PERMOHONAN) (RM)	10 KALI GANDAAN FI BAYARAN PROSES KEBENARAN MERANCANG (RM)	BAYARAN PROSES PELAN PERMIT STRUKTUR (RM70 X 30) (RM)	10 KALI GANDAAN FI BAYARAN PROSES PELAN (RM)	4 KALI GANDAAN FI LESEN (RM106,800 X 4) (RM)	JUMLAH ANGGARAN HASIL (RM)
30	15,000	150,000	2,100	21,000	427,200	615,300

Sumber: Jabatan Audit Negara

- Ketidakpatuhan kepada proses permohonan lesen paparan iklan luar seperti dibangkitkan pada perenggan 6.2.1. adalah disebabkan tiada penyelarasan dan koordinasi antara tiga (3) Jabatan terlibat. Semakan Audit mendapati Bahagian Pelesenan tetap memproses permohonan lesen paparan iklan

walaupun pembinaan struktur papan iklan tidak mendapat kelulusan kebenaran merancang dan permit struktur daripada Jabatan terlibat. Semakan Audit selanjutnya mendapati MPKK tidak mempunyai satu (1) sistem *online* yang meliputi keseluruhan proses pengeluaran sesuatu lesen menyebabkan Bahagian Pelesenan meluluskan permohonan secara manual. Hal ini mengakibatkan MPKK tidak dapat mengutip hasil tahunan berjumlah RM0.60 juta, bayaran proses berjumlah RM25,940 dan gandaan fi berjumlah RM2.06 juta.

Maklum Balas MPKK yang Diterima pada 25 September 2019

Majlis Perbandaran Kulim memaklumkan Jabatan Bangunan telah mengeluarkan enam (6) notis kepada pemilik 13 struktur papan iklan di pelbagai lokasi. Pada 23 September 2019, Jabatan Perancangan dan Landskap telah mengeluarkan notis kepada pengusaha yang tiada kelulusan kebenaran merancang (paparan iklan sebelum tahun 2016) untuk mengemukakan permohonan. Pihak MPKK menetapkan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Lesen Paparan Iklan Luar pada 2 Oktober 2019 bagi membincangkan perkara berkaitan.

Maklum Balas MPKK yang Diterima pada 9 Februari 2020

Majlis Perbandaran Kulim memaklumkan tindakan penguatkuasaan terhadap pihak syarikat yang tiada kelulusan kebenaran merancang, permit struktur dan lesen paparan iklan telah dilaksanakan dengan mengeluarkan notis menurunkan iklan pada 3 Februari 2020 kepada pihak terlibat.

Pada pendapat Audit, pengurusan papan iklan luar adalah tidak cekap kerana hanya satu (1) daripada 114 struktur papan iklan yang dibina mendapat kelulusan semua proses permohonan lesen paparan iklan.

6.2.2. Papan Iklan Tidak Dilindungi Insurans Perlindungan Awam

- a. Seksyen 85A, Akta Pengangkutan Jalan 1987 (Akta 333), Pindaan Mac 1994 menyatakan Menteri atau pihak berkuasa yang berkenaan boleh menghendaki supaya dibayar deposit jaminan dan dibeli insurans liabiliti awam sebagai sebahagian daripada syarat kelulusan. Surat kelulusan daripada Jabatan Bangunan menyatakan pelesen diwajibkan mengambil Insurans Perlindungan Awam (*Public Liability*) dan salinan polisi diserahkan kepada MPKK. Perkara ini adalah untuk memastikan segala kerosakan harta, kecederaan atau kecelakaan yang melibatkan orang awam dilindungi.

- b. Semakan Audit terhadap lima (5) fail pelesen yang telah diluluskan permit struktur paparan iklan mendapat tiga (3) pelesen yang memperbaharui permit struktur tidak mengemukakan polisi Insurans Perlindungan Awam. Hanya dua (2) pelesen mengemukakan polisi insurans yang masih berkuatkuasa sehingga bulan September 2019 dan Disember 2019. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 15**.

JADUAL 15
PAPARAN IKLAN MENDAPAT KELULUSAN PERMIT STRUKTUR
TANPA INSURANS PERLINDUNGAN AWAM

BIL.	NO. FAIL	TEMPOH INSURANS PELINDUNGAWAN (TAHUN)			
		2016	2017	2018	2019
1.	SEM 40/60028/15(BB)	X	X	X	X
2.	SEM 40/KL/15(BB)	X	X	X	X
3.	SEM 10/001/17	TB	TB	/	X
4.	SEM 10/002/17(BB)	TB	/	X	/
5.	SEM 04/0012/11(BB)	X	X	/	/

Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: Ada (/) / Tiada (X) / Tidak Berkennaan (TB)

- c. Perkara ini berlaku disebabkan MPKK tidak meletakkan syarat supaya insurans perlu diperbaharui terlebih dahulu sebelum pembaharuan permit dibuat. Surat kelulusan permit struktur juga tidak menyatakan pelesen perlu mengemukakan polisi insurans secara tahunan. Selain itu, **108 struktur papan iklan yang telah didirikan tanpa permit struktur didapati tidak dilindungi insurans**. Kegagalan ini boleh mendedahkan pihak MPKK kepada sebarang tuntutan oleh pihak ketiga sekiranya berlaku kemalangan.

Maklum Balas MPKK yang Diterima pada 9 Februari 2020

Majlis Perbandaran Kulim memaklumkan mulai bulan Januari 2020 MPKK menghendaki perunding/pemohon melampirkan salinan polisi insurans perlindungan awam semasa permohonan dan pembaharuan lesen dibuat.

Pada pendapat Audit, pemantauan terhadap penyediaan insurans perlindungan awam bagi papan iklan adalah tidak cekap kerana sebanyak 111 daripada 113 struktur papan iklan tidak dilindungi insurans.

6.2.3. Kelewatan Kelulusan Permit Struktur Papan Iklan

- a. Piagam Pelanggan MPKK menetapkan permohonan permit struktur iklan perlu diluluskan dalam tempoh 37 hari dari tarikh permohonan lengkap diterima. Pihak MPKK telah mengadakan penambahbaikan Sistem Penyampaian Prosedur dan Proses Cadangan Pemajuan Serta Pelaksanaan Unit Pusat Setempat (OSC) bagi memastikan Piagam Pelanggan Jabatan dipatuhi.
- b. Semakan Audit terhadap lima (5) fail kelulusan permit struktur papan iklan mendapati sebanyak empat (4) pelesen lewat mendapat kelulusan di antara 20 hingga 515 hari. Pihak Audit dimaklumkan oleh Pegawai di Jabatan Bangunan bahawa kelewatan adalah kerana lewat menerima ulasan teknikal daripada Jabatan Kejuruteraan, perunding lewat mengemukakan pelan lengkap dan perubahan lokasi struktur. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 16**.

JADUAL 16
TEMPOH KELULUSAN PERMIT STRUKTUR PAPAN IKLAN

BIL.	NO. FAIL	TARIKH		KELEWATAN (HARI)	SEBAB KELEWATAN
		MOHON	LULUS		
1.	SEM40/60028/15(BB)	07.09.2015	03.11.2015	20	Kelewatan ulasan teknikal daripada Jabatan Kejuruteraan
2.	SEM10/002/17(BB)	28.08.2017	03.03.2019	515	Kelewatan perunding mengemukakan pelan dengan lengkap
3.	SEM10/001/17	12.06.2017	08.01.2018	173	Kelewatan perunding mengemukakan pelan dengan lengkap
4.	SEM04/0012/11(BB)	03.11.2011	16.04.2013	493	Kelewatan perunding memaklumkan perubahan lokasi struktur

Sumber: Jabatan Audit Negara

Maklum Balas MPKK yang Diterima pada 17 September 2019

Majlis Perbandaran Kulim memaklumkan pihak OSC memantau tempoh kelulusan permit struktur papan iklan. Bagaimanapun, MPKK mengakui kelewatan disebabkan pihak perunding lewat mengemukakan dokumen yang diperlukan.

Pada pendapat Audit, pengurusan kelulusan permit struktur adalah kurang cekap kerana tidak mematuhi tempoh yang ditetapkan dalam Piagam Pelanggan. Kelewatan ini menyebabkan hasil tahunan permit struktur tidak dapat dikutip pada tempoh sepatutnya.

6.2.4. Pengurusan Kutipan Hasil

a. Hasil Fi Lesen Pendudukan Sementara Papan Iklan Tidak Dikutip

- i. Seksyen 17(1)(A)(e) Kaedah-Kaedah Tanah Kedah Darul Aman Tahun 2018 menetapkan fi bagi Lesen Pendudukan Sementara (LPS) tanah Kerajaan bagi papan iklan adalah RM250 bagi meter persegi pertama dan RM100 bagi setiap meter persegi seterusnya. Menurut Seksyen 17(3), pendudukan tanpa lesen boleh dikenakan denda sekurang-kurangnya dua (2) kali ganda tetapi tidak melebihi enam (6) kali ganda fi yang dikenakan bagi setiap tahun pendudukan tanpa lesen.
- ii. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK) pada 22 November 2017 memutuskan pembinaan papan iklan di tanah rizab jalan dan mana-mana tanah Kerajaan Negeri perlu memohon LPS yang dikeluarkan oleh PDT. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) perlu mengemukakan permohonan dan LPS hanya dikeluarkan kepada PBT dan bukan kepada individu atau syarikat yang memohon. Kelulusan LPS diperlukan bagi membolehkan MPKK mengenakan caj sewa tapak kepada pelesen sebelum dibayar kepada Kerajaan Negeri.
- iii. Semakan Audit terhadap 15 fail pelesen mendapati **27 struktur papan iklan yang didirikan di atas tanah Kerajaan tidak pernah dikenakan fi LPS kepada pelesen**. Selain itu, pengesahan Audit di PDT Kulim mendapati tiada permohonan LPS daripada MPKK bagi tempoh tahun 2016 hingga bulan Jun 2019. Berdasarkan perkiraan Audit, anggaran fi bagi LPS yang patut dikutip daripada pelesen adalah berjumlah RM69,550 setahun. Selain itu, permohonan yang diluluskan selepas pembinaan struktur papan iklan boleh dikenakan denda tidak melebihi enam (6) kali ganda fi yang berjumlah RM417,300. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 17**.

JADUAL 17
ANGGARAN FI BAGI LESEN PENDUDUKAN SEMENTARA
YANG PERLU DIBAYAR KEPADA KERAJAAN NEGERI

BIL.	NO. LESEN IKLAN	BIL. UNIT	SAIZ TAPAK / UNIT (METER PERSEGI)	FI BAGI LPS (RM)	FI 6 KALI GANDA (RM)
1.	L-9501	5	8	4,750	28,500
2.	L-16867	1	11.3	1,250	7,500
3.	L-12416	2	28.4	5,900	35,400
4.	L-6720	1	28.4	2,950	17,700
5.	L-3928	2	28.4	5,900	35,400
6.	L-4444	5	28.4	14,750	88,500
7.	L-10879	1	28.4	2,950	17,700
8.	L-14297	2	28.4	5,900	35,400

BIL.	NO. LESEN IKLAN	BIL. UNIT	SAIZ TAPAK / UNIT (METER PERSEGI)	FI BAGI LPS (RM)	FI 6 KALI GANDA (RM)
9.	L-6544	1	28.4	2,950	17,700
10.	L-4022	2	28.4	5,900	35,400
11.	L-18512	1	28.4	2,950	17,700
12.	L-20586	1	55.7	5,750	34,500
13.	L0018615	1	28.3	2,950	17,700
14.	MPKK JP & P/KP01/13046/2018	1	22	2,350	14,100
15.	MPKK JP & P/KP01/04041/2018	1	22	2,350	14,100
JUMLAH		27		69,550	417,300

Sumber: Jabatan Audit Negara

Maklum Balas MPKK yang Diterima pada 25 September 2019

Majlis Perbandaran Kulim memaklumkan secara *locus standi*, MPKK tidak boleh mengenakan apa-apa sewaan terhadap tapak tersebut kerana LPS masih belum diperoleh daripada PDT Kulim. Walau bagaimanapun, pihak MPKK akan membuat semakan terhadap semua papan tanda di atas tanah Kerajaan bagi tujuan sewaan.

Maklum Balas MPKK yang Diterima pada 9 Februari 2020

Majlis Perbandaran Kulim memaklumkan pihaknya telah memohon LPS daripada PDT Kulim pada 12 Januari 2020 bagi papan iklan yang dibina di atas tanah Kerajaan.

b. Hasil Paparan Iklan Tidak Dikutip

- i. Seksyen 8(8) UUK Iklan MPKK Tahun 2010 menyatakan suatu lesen yang dikeluarkan boleh diperbaharui tertakluk kepada pembayaran fi sebagaimana dinyatakan dalam Jadual Pertama. Ia hendaklah disertakan dengan apa-apa dokumen lain yang ditentukan oleh Majlis.
- ii. Berdasarkan surat kelulusan lesen paparan iklan yang dikeluarkan, pelesen dikehendaki membuat bayaran lesen secara tahunan. Jika bayaran tidak dibuat selepas tamat tempoh lesen, surat peringatan dan notis tuntutan bayaran akan dikeluarkan. Jika dalam tempoh 14 hari bayaran masih belum diterima, MPKK tanpa notis selanjutnya boleh mengambil tindakan menurunkan papan iklan berkenaan. Notis menurunkan iklan dalam tempoh tujuh (7) hari boleh dikenakan kepada pelesen ataupun denda tidak lebih daripada RM2,000 atau penjara tidak lebih satu (1) tahun atau

kedua-duanya sekali. Jika melakukan kesalahan berterusan, pelesen boleh dikenakan denda tidak lebih RM200 bagi tiap-tiap hari kesalahan berkenaan.

- iii. Semakan Audit terhadap 15 fail pelesen mendapati ***sebanyak lapan (8) pelesen melibatkan 61 paparan iklan belum menjelaskan bayaran lesen iklan bagi tahun 2016 hingga bulan Jun 2019 berjumlah RM264,600***. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 18**.

JADUAL 18
HASIL PAPARAN IKLAN TIDAK DIKUTIP
BAGI TEMPOH TAHUN 2016 HINGGA BULAN JUN 2019

BIL.	NO. AKAUN	HASIL PAPARAN IKLAN YANG TIDAK DIKUTIP (RM)				
		2016	2017	2018	JUN 2019	JUMLAH
1.	L-17621	24,700	24,700	24,700	24,700	98,800
2.	L-19021	Telah Bayar	Telah Bayar	40,000	40,000	80,000
3.	L-12416	Telah Bayar	8,200	8,200	8,200	24,600
4.	L-18512	4,100	4,100	4,100	4,100	16,400
5.	L-6544	Telah Bayar	Telah Bayar	4,100	4,100	8,200
6.	L-20586	12,000	12,000	Telah Bayar	Telah Bayar	24,000
7.	L-16867	4,400	4,400	Telah Bayar	Telah Bayar	8,800
8.	L0018615	Telah Bayar	1,900	1,900	Telah Bayar	3,800
JUMLAH (RM)		45,200	55,300	83,000	81,100	264,600

Sumber: Jabatan Audit Negara

- iv. Berdasarkan surat Pengarah Undang-Undang MPKK bertarikh 13 September 2017 menyatakan tiada istilah tunggakan lesen digunakan sekiranya tiada bayaran dibuat oleh pelesen. Kesalahan tidak memperbaharui lesen adalah sama seperti tidak mempunyai lesen yang sah daripada MPKK. Semakan Audit selanjutnya mendapati MPKK telah mengeluarkan surat peringatan dan notis tuntutan bayaran kepada semua pelesen yang belum menjelaskan bayaran. Bagaimanapun, tiada tindakan penguatkuasaan dilaksanakan terhadap pelesen paparan iklan luaran yang tidak memperbaharui lesen.
- v. Lawatan Audit terhadap 58 struktur papan iklan melibatkan lima (5) pelesen yang belum membuat bayaran lesen bagi tahun 2019 mendapati paparan iklan masih dipaparkan walaupun notis telah dikeluarkan oleh MPKK. Antara contoh papan iklan yang dilawati adalah seperti dalam **Gambar 13** hingga **15**.

GAMBAR 13

Jalan Perdagangan, Kulim
- Lesen Paparan Iklan Tidak Dibayar (L-17621)
(14.07.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 14

Jalan Sultan Badlishah, Kulim
- Lesen Paparan Iklan Tidak Dibayar (L-19021)
(14.07.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

**GAMBAR 15**

Jalan Perdagangan, Kulim
- Lesen Paparan Iklan Tidak Dibayar (L-18512)
(14.07.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

Maklum Balas MPKK yang Diterima pada 25 September 2019

Majlis Perbandaran Kulim memaklumkan surat peringatan telah dikeluarkan kepada semua pelesen berkenaan. Pihak MPKK menetapkan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Lesen Paparan Iklan Luar pada 2 Oktober 2019 bagi membincangkan perkara berkaitan.

Maklum Balas MPKK yang Diterima pada 6 Oktober 2019

Majlis Perbandaran Kulim memaklumkan telah mengambil tindakan mengeluarkan notis penurunan papan iklan kepada 8 pelesen pada 6 Oktober 2019.

Maklum Balas MPKK yang Diterima pada 9 Februari 2020

Majlis Perbandaran Kulim memaklumkan penambahbaikan proses kerja dirancang akan dilaksanakan oleh pihaknya dengan pembangunan sistem bersepadu yang lebih berkesan dalam memantau tarikh tamat lesen setiap tahun bagi semua pelesen.

c. Penyata Akaun Pelesen Tidak Diselenggara Dengan Baik

- i. Arahan Perbendaharaan 53 menetapkan semua Pegawai Pengawal bertanggungjawab melaksanakan kewajipan kewangan masing-masing

dengan sempurna. Tanggungjawab tersebut adalah bagi memungut dengan sewajarnya wang awam yang patut diterima, menyimpannya dengan selamat serta bertanggungjawab sekiranya akaun yang dikemukakan didapati tidak betul. Perwakilan kuasa kepada pegawai lain hendaklah dibuat dengan arahan bertulis. Bagaimanapun, Pegawai Pengawal secara amnya tidak terlepas dari bertanggungjawab setelah perwakilan kuasa dibuat.

- ii. Semakan Audit terhadap 15 penyata akaun pelesen yang telah diluluskan lesen paparan iklan mendapati penyata akaun yang dikemukakan seperti jumlah bil, bayaran dan baki penyata adalah tidak tepat. Semakan juga dibuat terhadap fail individu setiap pelesen bagi memastikan ketepatan penyata tersebut. Hasil semakan mendapati terdapat beberapa bil tidak dijana, tiada pelarasan jumlah bil sebenar dibuat dan baki yang dinyatakan berbeza dengan jumlah sebenar. Perkara ini berlaku disebabkan bil awal tidak dijana oleh sistem bagi pembayaran lesen yang belum tamat tempoh oleh pelesen. Ia bertujuan sebagai kawalan sistem di mana Bahagian Pelesenan hanya membuat pemprosesan bil untuk tahun semasa sahaja. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 19**.

JADUAL 19
PERBANDINGAN PENYATA AKAUN INDIVIDU DAN KIRAAN AUDIT

BIL.	NO. LESEN	PENYATA AKAUN INDIVIDU			KIRAAN AUDIT		
		BIL (RM)	BAYARAN (RM)	LEBIHAN / (KURANGAN) (RM)	BIL (RM)	BAYARAN (RM)	LEBIHAN / (KURANGAN) (RM)
1.	L-9501	66,000	50,000	(16,000)	44,000	50,000	6,000
2.	L-16867	8,800	8,800	0	17,600	8,800	(8,800)
3.	L-12416	16,400	8,200	(8,200)	32,800	8,200	(24,600)
4.	L-6720	4,600	12,300	7,700	16,400	12,300	(4,100)
5.	L-3928	16,400	17,700	1,300	32,800	17,700	(15,100)
6.	L-4444	81,800	61,500	(20,300)	82,000	61,500	(20,500)
7.	L-10879	18,200	12,300	(5,900)	16,400	12,300	(4,100)
8.	L-14297	24,100	24,600	500	32,800	24,600	(8,200)
9.	L-6544	8,200	8,200	0	16,400	8,200	(8,200)
10.	L-4022	36,400	24,600	(11,800)	32,800	24,600	(8,200)
11.	L-18512	4,100	0	(4,100)	16,400	0	(16,400)
12.	L-17621	52,000	0	(52,000)	98,800	0	(98,800)
13.	L-20586	12,000	18,000	6,000	48,000	18,000	(30,000)
14.	L-19021	180,000	80,000	(100,000)	160,000	80,000	(80,000)
15.	L0018615	3,800	3,800	0	24,000	3,800	(20,200)

Sumber: Jabatan Audit Negara

Maklum Balas MPKK yang Diterima pada 25 September 2019

Majlis Perbandaran Kulim memaklumkan berdasarkan kawalan sistem yang diamalkan oleh MPKK, Bahagian Pelesenan membuat pemprosesan bil untuk tahun semasa sahaja. Bagi pembayaran awal lesen yang belum tamat tempoh, bil awal tidak dijana oleh sistem. Penambahbaikan telah dibuat bagi pelarasan bil dengan merujuk kepada Bahagian Pengurusan Maklumat untuk bil awal.

Maklum Balas MPKK yang Diterima pada 9 Februari 2020

Majlis Perbandaran Kulim memaklumkan penambahbaikan proses kerja dirancang akan dilaksanakan oleh pihaknya dengan pembangunan sistem bersepadu yang lebih berkesan dalam menyenggara akaun pelesen dengan lebih baik.


Pada pendapat Audit, terdapat kelemahan dalam penyelenggaraan akaun pelesen apabila bil tidak dapat dijana, tiada pelarasan jumlah bil sebenar dan baki yang ditunjukkan tidak tepat telah menjaskan penyata akaun pelesen.

6.2.5. Papan Iklan Premis Perniagaan Tidak Mengikut Spesifikasi

- a. Seksyen 21(f), UUK Iklan MPKK Tahun 2010 menyatakan iklan yang ditempatkan di atas atau merupakan sebahagian daripada atap sesuatu bangunan adalah dilarang. Garis Panduan Perancangan Papan Tanda Premis Perniagaan telah diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan dan Pembangunan PLANMalaysia (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa) pada 18 November 2016. Garis panduan ini hendaklah dibaca bersama dengan peruntukan undang-undang kecil di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) yang digubal oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Garis panduan ini menetapkan:
 - i. papan iklan kekal bersaiz panjang dan besar (ditentukan oleh PBT) perlu memiliki Tanggungan Awam (*Public Liability*);
 - ii. kekuuhan struktur papan tanda hendaklah disahkan oleh Jurutera Struktur Berdaftar. Perletakan papan iklan hendaklah tidak menutup cermin, tingkap serta fasad bangunan; dan
 - iii. papan iklan yang dipasang tidak dibenarkan melebihi aras bumbung premis.
- b. Lawatan Audit di sekitar daerah Kulim pada 15 Julai 2019 mendapati terdapat papan iklan yang menutup cermin, tingkap dan fasad bangunan. Selain itu,

papan iklan premis perniagaan dipasang melebihi aras bumbung premis. Temubual Audit dengan pegawai MPKK mendapati pihaknya tidak menetapkan syarat memiliki Insurans Perlindungan Awam bagi papan iklan premis perniagaan yang bersaiz panjang dan besar. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Gambar 16** dan **17**.

GAMBAR 16



Jalan Tunku Abdul Rahman, Kulim
- Papan Iklan Menutupi Fasad Bangunan dan Melebihi
Aras Bumbung Premis
(15.07.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 17



Jalan Tunku Abdul Rahman, Kulim
- Papan Iklan Menutupi Fasad Bangunan dan Melebihi
Aras Bumbung Premis
(15.07.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- c. Perkara ini berlaku disebabkan MPKK meluluskan permohonan iklan walaupun tidak mematuhi kehendak UUK Iklan MPKK Tahun 2010. Pihak MPKK juga tidak mematuhi garis panduan yang ditetapkan oleh PLANMalaysia. Selain itu, tindakan penguatkuasaan tidak dilaksanakan terhadap pemasangan papan iklan yang melanggar larangan peraturan. Pemasangan papan iklan yang menutup cermin tingkap premis juga menghalang laluan keselamatan apabila berlaku kebakaran dan menutup saluran keluar asap.

Maklum Balas MPKK yang Diterima pada 25 September 2019

Majlis Perbandaran Kulim memaklumkan surat peringatan telah dikeluarkan kepada semua pelesen berkenaan.

Maklum Balas MPKK yang Diterima pada 13 Oktober 2019

Majlis Perbandaran Kulim memaklumkan Jabatan Bangunan bekerjasama dengan Jabatan Kesihatan menetapkan perunding/pemohon diwajibkan melampirkan salinan polisi Insurans Perlindungan Awam kepada MPKK setiap kali pembaharuan lesen. Pemeriksaan terhadap syarikat terlibat pada 10 Oktober 2019 mendapati penambahan paparan iklan premis tidak mendapat kelulusan MPKK. Notis tambahan kadar bayaran lesen iklan dan mengemukakan surat sokongan Jabatan Bomba dalam tempoh 14 hari telah dikeluarkan pada 10 Oktober 2019.

Pada pendapat Audit, tiada penguatkuasaan dijalankan terhadap aktiviti pemasangan papan iklan menyebabkan papan iklan yang dipasang tidak mematuhi standard atau garis panduan yang ditetapkan.

6.2.6. Pemantauan dan Penguatkuasaan Papan Iklan

a. Pematuhan Garis Panduan Papan Iklan Luar

Arahan dan syarat yang ditetapkan MPKK berkaitan pelesenan papan iklan hendaklah dipatuhi. Sekiranya gagal, MPKK boleh mengambil tindakan seperti membatalkan semua kelulusan dan mengambil semula tapak serta menguatkuasakan undang-undang. Semakan Audit dan pemeriksaan fizikal terhadap 34 lokasi papan iklan luar mendapati beberapa kelemahan dalam pematuhan garis panduan papan iklan luar adalah seperti berikut:

i. Papan Iklan Tanpa Paparan Iklan

- Para 8.3(iii) Garis Panduan Perancangan Papan Iklan Luar MPKK 2015 menetapkan semasa ketiadaan paparan, MPKK berhak untuk menggunakan ruang iklan bagi menyampaikan mesej sivik. Lawatan Audit ke lokasi papan iklan luar bersama pegawai MPKK pada 14 hingga 16 Julai 2019 mendapati tujuh (7) papan iklan luar telah didirikan tanpa paparan iklan. Perkara ini disebabkan tiada pemantauan dan penguatkuasaan yang dilaksanakan bagi memastikan papan iklan tidak dibiarkan kosong. Antara contoh papan iklan yang didirikan tanpa paparan iklan adalah seperti dalam **Gambar 18** hingga **19**.

GAMBAR 18



Jalan Perdagangan, Kulim
- Tiada Paparan Visual pada Papan Iklan
(14.07.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 19



Jalan Sultan Badlishah, Kulim
- Tiada Paparan Visual pada Papan Iklan
(15.07.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

ii. Papan Iklan Tidak disenggara

- Seksyen 18, UUK Iklan MPKK Tahun 2010 menyatakan pemilik papan iklan hendaklah memastikan struktur papan iklan dan paparan iklan disenggarakan dengan baik. Lawatan Audit di sekitar daerah Kulim pada pada 14 hingga 16 Julai 2019 mendapati papan iklan yang rosak, ditumbuhi pokok dan semak. Keadaan sedemikian boleh menyebabkan kemalangan dan berlaku kecederaan kepada orang awam serta mencacatkan pemandangan persekitaran. Antara contoh keadaan papan iklan yang tidak disenggarakan adalah seperti dalam **Gambar 20** hingga **23**.

GAMBAR 20



Jalan Perdagangan, Kulim -
Struktur Papan Iklan ditumbuhi Pokok
dan Berkarat
(14.07.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 21



Jalan Junjung, Kulim -
Papan Iklan Rosak dan ditumbuhi
Pokok dan Semak
(14.07.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 22



Jalan Sultan Abdul Hamid, Kulim
- Zink Pada Struktur Rosak dan Tertanggal
(14.07.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 23



Jalan Perdagangan, Kulim
- Zink Pada Struktur Rosak dan Tertanggal
(14.07.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

iii. Nombor Lesen dan Nama Syarikat Tidak Dipamerkan

- Para 5.4(xvii) Garis Panduan Perancangan Papan Iklan MPKK Tahun 2015 menetapkan panel perlu diletakkan di sudut bawah sebelah kanan papan iklan bagi mempamerkan nombor lesen dan nama syarikat. Ini adalah bagi tujuan kawalan dan pemantauan papan iklan luar. Lawatan Audit mendapati hanya dua (2) daripada 34 papan iklan luar yang dilawati

mempamerkan nombor lesen dan nama syarikat walaupun tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan.

- Perkara ini berlaku kerana kurang pemantauan MPKK bagi memastikan pelesen mematuhi syarat yang ditetapkan. Ketidakpatuhan tersebut menyukarkan pihak MPKK mengenal pasti papan iklan yang didirikan secara tidak sah. Antara papan iklan yang tidak mematuhi kriteria mempamerkan nombor lesen dan nama syarikat mengikut spesifikasi adalah seperti dalam **Gambar 24** hingga **27**.

GAMBAR 24



Jalan Perdangan, Kulim
- Papan Iklan Tidak Mempamerkan No. Lesen
(14.07.19)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 25



Jalan Perusahaan, Kulim
- Papan Iklan Tidak Mempamerkan No. Lesen
(14.07.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 26



Jalan Tunku Abdul Rahman, Kulim
- Papan Iklan Tidak Mempamerkan No. Lesen
(15.07.19)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 27



Jalan Sultan Badlishah, Kulim
- Papan Iklan Tidak Mempamerkan No. Lesen
dan Nama Syarikat
(15.07.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

Maklum Balas MPKK yang Diterima pada 13 Oktober 2019

Majlis Perbandaran Kulim memaklumkan notis pemakluman telah dikemukakan pada 27 September 2019 kepada pemilik papan iklan yang tiada paparan, tidak disenggara serta tidak mempamerkan nombor lesen dan nama syarikat. Tindakan kerja pembersihan dan penyelenggaraan telah dijalankan pada 11 dan 12 Oktober 2019.

Maklum Balas MPKK yang Diterima pada 9 Februari 2020

Majlis Perbandaran Kulim memaklumkan pemilik papan iklan yang tiada paparan dinasihatkan bekerjasama dengan syarikat atau organisasi luar bagi menyampaikan mesej sivik sebagai tanggungjawab sosial syarikat (CSR) mereka kepada masyarakat.

iv. Jarak Antara Bahu Jalan dan Papan Iklan Tidak Mengikut Spesifikasi

- Para 5.2 Garis Panduan Perancangan Papan Iklan Luar MPKK 2015 menetapkan jarak pembinaan struktur papan iklan hendaklah 3 meter dari bahu jalan. Semasa lawatan Audit bersama pihak MPKK, jarak di antara penghujung struktur papan iklan dengan bahu jalan telah diukur. Pihak Audit mendapati sebanyak tiga (3) papan iklan yang dipasang berada di antara 0.5 meter hingga 2.3 meter dari bahu jalan seperti dalam **Gambar 28** hingga **30**. Pemasangan struktur yang berada kurang tiga (3) meter dari bahu jalan boleh memberikan ancaman keselamatan kepada pengguna jalan raya.

GAMBAR 28



- Jalan Tunku Abdul Rahman, Kulim
- Struktur Papan Iklan Kurang 3 Meter
dari Bahu Jalan
(14.07.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 29



- Jalan Tunku Abdul Rahman, Kulim
- Struktur Papan Iklan Kurang 3 Meter
dari Bahu Jalan
(14.07.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)



GAMBAR 30

- Jalan Sultan Badlishah, Kulim
- Struktur Papan Iklan Kurang 3 Meter
dari Bahu Jalan
(15.07.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

Maklum Balas MPKK yang Diterima pada 9 Februari 2020

Majlis Perbandaran Kulim memaklumkan kebenaran merancang belum dikuatkuasakan bagi papan iklan yang dibina sebelum tahun 2015. Jarak minimum tidak dipatuhi atas sebab faktor pelebaran jalan. Pemohon perlu mematuhi syarat dan garis panduan kebenaran merancang termasuk mengubah kedudukan papan iklan.

b. Penguatkuasaan Papan Iklan

- i. Tindakan penguatkuasaan perlu dilaksanakan secara sistematik, berterusan dan berkesan agar pelesen sentiasa mematuhi peruntukan undang-undang dan syarat lesen. Secara umumnya, pihak MPKK telah menjalankan tindakan penguatkuasaan seperti mengenakan kompaun terhadap premis perniagaan yang memamer iklan tanpa lesen atau lesen tamat tempoh. Bagaimanapun, tindakan penguatkuasaan tidak pernah dilaksanakan terhadap papan iklan luar yang dibina tanpa kelulusan MPKK.

ii. Tunggakan Kompaun Papan Iklan Premis Perniagaan Yang Belum Dijelaskan

- Tindakan penguatkuasaan akan diambil ke atas premis perniagaan yang memamer iklan tanpa lesen atau lesen tamat tempoh. Ia dilaksanakan berdasarkan memo permohonan yang dikeluarkan oleh Bahagian Pelesenan. Selain itu, penguatkuasaan juga dibuat berdasarkan jadual perancangan penguatkuasaan yang dibahagikan kepada empat (4) seksyen berdasarkan kawasan berlainan. Apabila tindakan penguatkuasaan dijalankan, notis tawaran mengkompaun akan dikeluarkan ke atas premis tidak mempunyai lesen, tidak memperbaharui lesen atau tidak mematuhi peraturan yang telah ditetapkan.
- Semakan Audit mendapati setiap seksyen di Jabatan Penguatkuasaan menyediakan laporan tugas harian secara bulanan. Laporan yang disediakan mengandungi maklumat aktiviti penguatkuasaan yang dilaksanakan dan bilangan tindakan kompaun serta notis yang telah dikeluarkan secara harian. Bagaimanapun, maklumat bilangan premis perniagaan yang telah dilaksanakan pemeriksaan tidak direkodkan.
- Semakan Audit selanjutnya terhadap senarai kompaun iklan tanpa lesen mendapati sebanyak 45 notis kompaun telah dikeluarkan bagi tempoh 2016 sehingga Jun 2019. Daripada jumlah tersebut, sebanyak

sembilan (9) kompaun dikeluarkan masing-masing pada tahun 2016 dan 2017, 10 kompaun pada tahun 2018 dan 17 kompaun sehingga bulan Jun 2019. Nilai kompaun bagi 45 notis yang dikeluarkan berjumlah RM11,160 perlu dijelaskan dalam tempoh tujuh (7) hari daripada tarikh dikeluarkan. Daripada amaun tersebut, sejumlah RM5,430 telah dipungut melibatkan 25 notis kompaun yang telah dikeluarkan. Sebanyak sembilan (9) notis kompaun diberi pengurangan sejumlah RM820 kerana dibayar sebelum tamat tempoh. Selain itu, sebanyak 20 notis kompaun belum dijelaskan sehingga Jun 2019. Maklumat lanjut adalah seperti dalam **Jadual 20**.

JADUAL 20
KEDUDUKAN KOMPAUN PAPAN IKLAN PREMIS PERNIAGAAN

TAHUN	BIL. KOMPAUN DIKELUARKAN	AMAUN DIKENAKAN (RM)	AMAUN DIJELASKAN (RM)	AMAUN DIKURANGKAN (RM)	BIL. KOMPAUN BELUM JELAS	BAKI (RM)
2016	9	2,200	605	395	5	1,200
2017	9	2,210	1,150	350	3	710
2018	10	2,500	1,175	75	5	1,250
06/2019	17	4,250	2,500	-	7	1,750
JUMLAH	45	11,160	5,430	820	20	4,910

Sumber: Jabatan Penguatkuasaan MPKK

- Semakan Audit mendapati sehingga tarikh pengauditan sebanyak 20 atau 44.5% daripada 45 notis kompaun berjumlah RM4,910 belum dijelaskan. Pihak MPKK telah mengeluarkan 13 notis peringatan membayar kompaun dalam tempoh 14 hari kepada peniaga yang belum menjelaskan kompaun. Semakan Audit terhadap rekod pendakwaan mendapati sebanyak lapan (8) kertas siasatan telah dibuka bagi kesalahan di bawah UUK Iklan MPKK Tahun 2010. Daripada jumlah tersebut, tiga (3) kertas siasatan telah ditutup oleh Seksyen Pendakwaan dan dikembalikan kepada Jabatan Penguatkuasaan untuk cetak semula pengaduan. Sebanyak lima (5) kertas siasatan telah setuju dakwa oleh Seksyen Pendakwaan dan didaftarkan di mahkamah untuk tindakan pendakwaan. Satu (1) daripada kertas siasatan yang telah didaftarkan telah dibuat penyelesaian luar mahkamah dengan mengenakan bayaran kompaun.
- Lawatan Audit ke empat (4) premis perniagaan yang dikeluarkan notis peringatan mendapati dua (2) premis masih menjalankan perniagaan dan papan iklan masih dipaparkan. Selain itu, dua (2) premis telah tidak beroperasi dan bertukar pemilik. Proses pendakwaan yang mengambil masa yang lama menyebabkan premis perniagaan terus beroperasi tanpa lesen atau menutup perniagaan mengakibatkan MPKK tidak dapat

mengutip hasil. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 21** dan **Gambar 31** hingga **34**.

JADUAL 21
PREMIS PERNIAGAAN YANG BELUM MENJELASKAN KOMPAUN

BIL.	NO. KOMPAUN	TARIKH KOMPAUN	STATUS
1.	B34422	03.02.2016	Perniagaan masih beroperasi dan papan iklan masih dipasang
2.	B36195	15.03.2017	Perniagaan masih beroperasi dan papan iklan masih dipasang (kedai ditutup kerana bercuti pada hari lawatan)
3.	B33883	24.02.2016	Premis telah berhenti menjalankan perniagaan dan bertukar pemilik
4.	B34472	15.02.2016	

Sumber: Jabatan Audit Negara

GAMBAR 31



No. 4 dan 5, Jalan Selasih
- Perniagaan Masih Beroperasi (B34422)
(25.08.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 32



No. 8, Taman Kemuning
- Perniagaan Masih Beroperasi (B36195)
(25.08.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 33



No. 5, Taman Kemuning
- Premis Telah Bertukar Pemilik (B34472)
(25.08.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 34



No. 834, Taman Kempas Indah 3
- Premis Telah Bertukar Pemilik (B338833)
(25.08.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

Maklum Balas MPKK yang Diterima pada 25 September 2019

Majlis Perbandaran Kulim memaklumkan tindakan telah diambil dengan merekod bilangan premis perniagaan yang dibuat pemeriksaan mulai tahun 2019. Kertas siasatan dibuka bagi 20 notis kompaun berjumlah RM4,910 yang belum dijelaskan sebelum tindakan pendakwaan dilaksanakan.

Maklum Balas MPKK yang Diterima pada 9 Februari 2020

Majlis Perbandaran Kulim memaklumkan penambahbaikan proses kerja dirancang akan dilaksanakan oleh pihaknya dengan pembangunan sistem bersepadu yang lebih berkesan dalam memantau papan iklan yang dibina tanpa kelulusan.

Pada pendapat Audit, pemantauan terhadap penguatkuasaan syarat kelulusan serta Garis Panduan MPKK adalah kurang cekap kerana pengiklan tidak mematuhi syarat yang dinyatakan.

7. RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT

Secara keseluruhannya berdasarkan skop pengauditan, dapat dirumuskan prestasi aktiviti adalah memuaskan berdasarkan pencapaian kutipan hasil sebenar berbanding sasaran yang ditetapkan. Selain itu, aktiviti papan iklan juga menyumbang antara 1% - 1.1% terhadap keseluruhan hasil MPKK. Namun begitu, pengurusan papan iklan tidak dilaksanakan dengan cekap dan berkesan menyebabkan objektif untuk menjana hasil kepada MPKK melalui aktiviti ini tidak tercapai sepenuhnya. Kegagalan MPKK memastikan pelesen mematuhi kesemua prosedur berperingkat yang ditetapkan mengakibatkan berlakunya ketirisan hasil berjumlah RM2.69 juta. Ketirisan ini berlaku disebabkan kelulusan lesen paparan iklan tidak mengikut garis panduan yang ditetapkan dan kelemahan penguatkuasaan terhadap papan iklan yang didirikan secara tidak sah. Selain itu, MPKK juga tidak mempunyai satu sistem *online* yang meliputi keseluruhan proses pengeluaran lesen menyebabkan pemantauan dan kawalan yang berkesan di setiap peringkat pemprosesan tidak dapat dilakukan.

8. SYOR AUDIT

Bagi memastikan kelemahan yang dibangkitkan tidak berulang pada masa hadapan dan objektif program dapat dicapai, adalah disyorkan kepada MPKK untuk mengambil tindakan terhadap perkara seperti berikut:

- 8.1. mewujudkan rangkaian sistem *online* bersepadu yang boleh diakses oleh setiap Jabatan terlibat bermula dari proses permohonan hingga tindakan penguatkuasaan termasuk kutipan hasil bagi memantapkan pengurusan papan iklan;
- 8.2. mengenakan sewa tapak atau fi Lesen Pendudukan Sementara terhadap papan iklan yang dibina di atas tanah Kerajaan negeri supaya hasil dapat dipertingkatkan;

8.3. memastikan semua struktur papan iklan mempunyai Insurans Perlindungan Awam; dan

8.4. menyediakan perancangan penguatkuasaan yang menyeluruh meliputi semua jenis papan iklan luar dan papan iklan premis perniagaan supaya dapat mengatasi masalah papan iklan tanpa lesen dan pelesen yang tidak mematuhi syarat lesen.

2

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI KEDAH

- Kumpulan Ladang-Ladang Perbadanan Kedah Sdn. Bhd.

RINGKASAN EKSEKUTIF

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI KEDAH

KUMPULAN LADANG-LADANG PERBADANAN KEDAH SDN. BHD.

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- Pengauditan ini melibatkan penilaian terhadap tadbir urus korporat, pengurusan aktiviti dan kedudukan kewangan syarikat.
- Bagi tadbir urus korporat, lapan (8) aspek telah dinilai termasuk aspek pemantauan syarikat subsidiari dan pengurusan kewangan dari tempoh tahun 2016 hingga bulan Mei 2019. Aspek tadbir urus yang dinilai antaranya adalah Pengerusi, Lembaga Pengarah, Setiausaha Syarikat dan Jawatankuasa Audit.
- Dua (2) bidang utama yang dinilai bagi pengurusan aktiviti perladangan adalah prestasi dan pelaksanaan aktiviti.
- Bagi prestasi aktiviti, pencapaian output dan pencapaian *outcome* telah dinilai. Pencapaian output yang dinilai berdasarkan prestasi pengeluaran dan penjualan hasil ladang serta kilang getah, manakala pencapaian *outcome* yang dinilai adalah prestasi pengurusan ladang dan kilang getah milik PKNK. Dua (2) perkara yang dinilai dalam pelaksanaan aktiviti adalah melibatkan status hak milik Ladang KLPK dan perjanjian berhubung pengurusan ladang.
- Selain itu, aspek kedudukan kewangan juga dinilai dengan melaksanakan analisis terhadap penyata kewangan beraudit bagi tahun 2016, 2017 dan 2018.

Mengapa ia penting untuk diaudit?

- Menilai pencapaian objektif penubuhan KLPK bagi menguruskan Ladang PKNK supaya memberi pulangan kepada PKNK sebagai pemegang syer utama.
- Menilai aspek tadbir urus syarikat mengikut amalan terbaik dalam memastikan pengurusan aktiviti perladangan dilaksanakan secara cekap, berkesan dan berhemat selaras dengan objektif penubuhannya supaya dapat menyumbang kepada kestabilan kedudukan kewangan syarikat.

Apa yang ditemui Audit?

- Secara keseluruhannya pengauditan di KLPK mendapati amalan tadbir urus korporat adalah kurang memuaskan. Jualan bagi getah kering, BTS dan SMR bagi tempoh tiga (3) tahun yang dinilai mencapai antara 69.1% hingga 143.3% berbanding sasaran. Bagaimanapun, penilaian terhadap *outcome* berhubung

prestasi pengurusan ladang dan kilang getah milik PKNK mendapati jumlah keuntungan operasi bagi tahun 2018 menurun sejumlah RM7.29 juta (81.3%) kepada RM1.68 juta berbanding RM8.97 juta pada tahun 2017. Pelaksanaan aktiviti KLPK secara keseluruhannya masih belum mencapai tahap kecekapan yang optimum. Kelemahan dikenal pasti berkaitan status hak milik ladang KLPK yang masih tidak jelas, dan perjanjian pengurusan ladang dengan pihak swasta yang tidak disediakan.

- Kelemahan yang ditemukan antaranya:
 - pembayaran yuran dan faedah kepada Lembaga Pengarah tidak mengambil kira kedudukan kewangan syarikat;
 - perbelanjaan derma dan sumbangan bagi tujuan tanggungjawab sosial korporat (CSR) berjumlah RM0.53 juta tidak mendapat pengesahan dalam AGM;
 - jumlah keuntungan operasi bagi tahun 2018 menurun sejumlah RM7.29 juta (81.3%) kepada RM1.68 juta berbanding RM8.97 juta pada tahun 2017;
 - status hak milik ladang KLPK yang masih tidak jelas dan perjanjian pengurusan ladang dengan pihak swasta tidak disediakan;
 - KLPK mencatatkan kerugian selepas cukai bagi tahun 2017 dan 2018; dan
 - pendapatan utama dan keuntungan terkumpul bagi tempoh tiga (3) tahun menunjukkan trend penurunan.

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI KEDAH

2. KUMPULAN LADANG-LADANG PERBADANAN KEDAH SDN. BHD.

FAKTA UTAMA

24.01.1980

Syarikat Ditubuhkan
Di Bawah Akta Syarikat 1965

RM3 Juta

Modal Berbayar

2 Syarikat subsidiari

i. KLPK Niaga Sdn. Bhd.
ii. KLPK Ternak Sdn. Bhd.

01.01 1988

Syarikat mula beroperasi

10,427.21

hektar

Keluasan ladang yang diurus


Jenis Syarikat	i. Syarikat berhad menurut syer. ii. Milikan penuh Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah (PKNK).
Objektif Utama Penubuhan	Agen pengurusan ladang bagi menguruskan ladang dan kilang getah milik PKNK.
Aktiviti Utama	Menguruskan ladang getah dan kelapa sawit serta kilang getah termasuk pemantauan aktiviti penanaman baru, penanaman semula, pengeluaran serta penjualan hasil ladang dan kilang.

1. LATAR BELAKANG

1.1. Kumpulan Ladang-Ladang Perbadanan Kedah Sdn. Bhd. (KLPK) adalah syarikat milik penuh Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah (PKNK) yang ditubuhkan pada 24 Januari 1980 di bawah Akta Syarikat 1965 dan mula beroperasi pada 1 Januari 1988. KLPK merupakan syarikat berhad menurut syer dengan modal berbayar berjumlah RM3 juta. Objektif utama penubuhan KLPK adalah untuk bertindak sebagai agen pengurusan ladang bagi menguruskan ladang dan kilang getah milik PKNK. Selain itu, KLPK turut menguruskan ladang milik syarikat swasta dan ladang KLPK sendiri.

1.2. Aktiviti utama KLPK adalah menguruskan ladang getah dan kelapa sawit serta kilang getah yang meliputi pemantauan terhadap program penanaman baru/penanaman semula dan pengurusan pengeluaran serta penjualan hasil ladang dan kilang. Selain itu, KLPK juga menjalankan aktiviti lain seperti mengusahakan penanaman nanas, memproses baja organik, memasarkan alat pelindung hujan dan menternak lembu serta itik melalui syarikat subsidiarinya iaitu KLPK Niaga Sdn. Bhd. dan KLPK Ternak Sdn. Bhd.. Sumber pendapatan utama KLPK adalah daripada yuran pengurusan ladang dan komisen jualan hasil ladang dan kilang getah. Selain itu, pendapatan KLPK juga terdiri daripada faedah atas simpanan tetap, sewaan tanah, dividen dan pelbagai terimaan lain. Model perniagaan KLPK seperti dalam **Rajah 1**.


RAJAH 1
MODEL PERNIAGAAN KLPK



Sumber: Jabatan Audit Negara

1.3. Kawasan perladangan yang diuruskan oleh KLPK sehingga 31 Mei 2019 adalah seluas 10,427.21 hektar yang terdiri daripada tiga (3) kategori ladang iaitu Ladang PKNK, Ladang Swasta dan Ladang Naka. Ladang PKNK adalah ladang milik PKNK yang terdiri daripada 11 ladang berkeluasan 9,743.01 hektar (93.4%). Ladang Swasta pula adalah ladang milik syarikat swasta yang terdiri daripada lima (5) ladang berkeluasan 300.16 hektar (2.9%). Manakala Ladang Naka adalah ladang milik KLPK sendiri yang terdiri daripada lima (5) ladang berkeluasan 384.04 hektar (3.7%). Daripada keseluruhan kawasan ladang tersebut, sejumlah 9,079.08 hektar merupakan keluasan yang bertanam iaitu 41% terdiri daripada tanaman getah dan 59% terdiri daripada tanaman kelapa sawit. Maklumat terperinci keluasan dan lokasi ladang yang diuruskan oleh KLPK seperti dalam **Rajah 2**.

RAJAH 2
LOKASI LADANG KLPK



Sumber: Rekod KLPK

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan untuk menilai pencapaian objektif penubuhan KLPK melalui amalan tadbir urus korporat yang baik, pengurusan ladang yang cekap, berhemat dan berkesan serta prestasi kewangan syarikat yang kukuh.

3. SKOP PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan ini melibatkan lapan (8) aspek tadbir urus korporat termasuk aspek pemantauan syarikat subsidiari dan pengurusan kewangan dari tempoh tahun 2016 hingga bulan Mei 2019. Pengurusan aktiviti utama KLPK yang dilaksanakan dalam tempoh yang sama juga turut dinilai. Dua (2) bidang utama yang dinilai bagi pengurusan aktiviti adalah prestasi dan pelaksanaan aktiviti. Bagi prestasi aktiviti, dua (2) perkara yang dinilai iaitu pencapaian output dan pencapaian *outcome*. Pencapaian output yang dinilai adalah prestasi pengeluaran dan penjualan daripada hasil ladang serta kilang getah, manakala pencapaian *outcome* yang dinilai adalah prestasi pengurusan ladang dan kilang getah milik PKNK. Dua (2) perkara yang dinilai dalam pelaksanaan aktiviti adalah status hak milik

Ladang KLPK dan perjanjian berhubung pengurusan ladang. Selain itu, aspek kedudukan kewangan juga dinilai dengan melaksanakan analisis terhadap penyata kewangan beraudit bagi tahun 2016, 2017 dan 2018.

3.2. Pengauditan telah dijalankan di pejabat KLPK yang terletak di Alor Setar, Kedah. Lawatan Audit juga dijalankan terhadap lima (5) ladang dan kilang getah, iaitu Ladang Bukit Perak Utara, Ladang Bukit Perak Selatan, Ladang Bukit Nguan, Ladang Caruk Genting Bunga, Ladang Laka Temin, Ladang Naka dan Kilang Hevea Bukit Perak. Pemilihan sampel Audit adalah berdasarkan jumlah keluasan ladang, prestasi pengeluaran hasil ladang dan kilang serta kawasan pembangunan ladang baru.

4. METODOLOGI PENG AUDITAN

Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod, fail dan dokumen serta menganalisis data berkaitan. Pengesahan dengan pihak ketiga juga dilaksanakan bagi mengesahkan maklumat yang diperoleh. Bagi pengurusan aktiviti, pemeriksaan fizikal Audit terhadap aktiviti perladangan telah dijalankan pada bulan Julai dan Ogos 2019 untuk menentukan sama ada aktiviti tersebut dilaksanakan selaras dengan *Standard Operating Procedures* (SOP) yang ditetapkan. Bagi kedudukan kewangan, penilaian dilaksanakan berdasarkan penyata kewangan KLPK yang telah diaudit oleh Tetuan Sahir & Co. bagi tahun 2016, 2017 dan 2018. Penilaian ini melibatkan analisis trend pendapatan, perbelanjaan dan untung rugi, analisis trend aset dan liabiliti, analisis nisbah kewangan serta analisis aliran tunai. Perbincangan dan temu bual dengan pegawai terlibat juga telah dijalankan bagi mendapatkan penjelasan lanjut. Pihak Audit juga turut menjalankan perbandingan pencapaian syarikat dengan industri dalam sektor yang sama.

5. RUMUSAN AUDIT

5.1. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai hingga Ogos 2019 terhadap KLPK merumuskan perkara seperti berikut:

a. Tadbir Urus Korporat

Secara keseluruhannya, amalan tadbir urus KLPK adalah kurang memuaskan. Wujud kelemahan antaranya berkaitan dengan Piagam Lembaga Pengarah, pembayaran yuran dan faedah kepada Lembaga Pengarah, SOP syarikat, pemantauan terhadap aktiviti syarikat subsidiari dan pengurusan perbelanjaan.

b. Pengurusan Aktiviti

- i. Secara umumnya, purata pengeluaran getah kering, buah tandan segar (BTS) dan *Standard Malaysian Rubber* (SMR) telah mencapai sasaran yang ditetapkan. Pengeluaran getah kering telah mencapai antara 97.6% hingga 102.9% berbanding sasaran bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018. Bagi tempoh yang sama, pengeluaran BTS mencapai antara 71.9% hingga 105% manakala pengeluaran SMR pula mencapai antara 98.1% hingga 123.7% berbanding sasaran yang ditetapkan. Secara keseluruhan, jualan bagi getah kering, BTS dan SMR bagi tempoh tiga (3) tahun yang dinilai mencapai antara 69.1% hingga 143.3% berbanding sasaran. Bagaimanapun, penilaian terhadap *outcome* berhubung prestasi pengurusan ladang dan kilang getah milik PKNK mendapati jumlah keuntungan operasi bagi tahun 2018 menurun sejumrah RM7.29 juta (81.3%) kepada RM1.68 juta berbanding RM8.97 juta pada tahun 2017.
- ii. Pelaksanaan aktiviti KLPK secara keseluruhannya masih belum mencapai tahap kecekapan yang optimum. Kelemahan dikenal pasti berkaitan status hak milik ladang KLPK yang masih tidak jelas, dan perjanjian pengurusan ladang dengan pihak swasta yang tidak disediakan.

c. Kedudukan Kewangan

Kedudukan kewangan KLPK adalah kurang stabil. Keuntungan sebelum cukai yang dicatatkan pada tahun 2018 adalah berjumlah RM71,138, iaitu menurun dengan ketara sejumrah RM260,940 (78.8%) berbanding RM331,078 pada tahun 2017. Sehingga 31 Disember 2018, keuntungan terkumpul KLPK adalah RM16.04 juta, iaitu menurun sejumrah RM1.6 juta (9.1%) berbanding RM17.64 juta pada tahun 2017. Pendapatan utama KLPK juga menunjukkan trend penurunan bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018, iaitu masing-masing berjumlah RM28.36 juta, RM27.15 juta dan RM25.76 juta. Selain itu, jumlah ekuiti KLPK bagi tempoh tersebut turut menunjukkan trend penurunan, iaitu masing-masing berjumlah RM21.37 juta, RM20.63 juta dan RM19.04 juta. KLPK juga tidak mempunyai sumber yang mencukupi bagi memenuhi obligasinya pada tahun 2018 kerana kedudukan liabiliti melebihi aset pada nisbah 0.95 berbanding tahun 2017 dan 2016 pada nisbah 1.04. Bagaimanapun, baki tunai dan kesetaraan tunai bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018 masih menunjukkan baki positif.

5.2. Perkara utama yang perlu diberi perhatian adalah seperti yang berikut:

- a. pembayaran yuran dan faedah kepada Lembaga Pengarah tidak mengambil kira prestasi kewangan syarikat;
- b. perbelanjaan derma dan sumbangan bagi tanggungjawab sosial korporat (CSR) tanpa pengesahan dalam Mesyuarat Agung Tahunan (AGM);
- c. pemantauan terhadap syarikat subsidiari kurang berkesan;
- d. purata pengeluaran getah kering, BTS dan SMR menurun;
- e. kilang getah beroperasi di bawah kapasiti pengeluaran maksimum; dan
- f. status pemilikan ladang KLPK tidak jelas kerana 59 lot tanah belum dipindah milik dan 26 lot masih berstatus tanah Kerajaan.

6. PENEMUAN TERPERINCI AUDIT

Perkara yang ditemukan dan maklum balas KLPK telah dibincangkan dalam *Exit Conference* yang diadakan pada 25 September 2019. Maklum balas terkini telah diterima pada 8 Oktober 2019. Penjelasan lanjut bagi setiap penemuan yang dinyatakan dalam rumusan Audit adalah seperti perenggan berikut:

6.1. Tadbir Urus Korporat


6.1.1. Tadbir urus korporat yang baik dapat membantu syarikat mempertingkatkan kecekapan dalam mencapai objektifnya serta membolehkan syarikat diurus dengan lebih sempurna, telus dan bertanggungjawab. Sebagai syarikat Kerajaan di bawah PKNK, pengurusan KLPK perlu mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan di bawah Akta Syarikat 2016, Perlembagaan Syarikat, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), *Standard Operating Procedures* (SOP), pekeliling dan peraturan yang ditetapkan oleh Kerajaan. Selain itu, antara amalan terbaik yang boleh diguna pakai adalah *Malaysian Code on Corporate Governance* (MCCG) 2017, *The Green Book-Enhancing Board Effectiveness* April 2006 dan Garis Panduan Ahli Lembaga Pengarah Lantikan Menteri Kewangan (Diperbadankan) Disember 2014 [MKD Handbook] dan panduan tadbir urus daripada *Chartered Institute of Internal Auditor*.

6.1.2. Pada 31 Mei 2019, Lembaga Pengarah KLPK dianggotai oleh lima (5) ahli yang terdiri daripada seorang Pengurus dan empat (4) ahli Lembaga Pengarah. Lembaga Pengarah yang dilantik adalah mewakili sektor kerajaan dan swasta. Komposisi

Lembaga Pengarah KLPK terdiri daripada tiga (3) Pengarah berstatus bebas manakala dua (2) lagi bersatus bukan bebas.

6.1.3. Pengurusan KLPK diketuai oleh Pengarah Urusan dan dibantu oleh seorang Pengurus Besar. Bilangan kakitangan KLPK sehingga 31 Mei 2019 ialah seramai 95 orang yang terdiri daripada eksekutif dan bukan eksekutif. Struktur organisasi KLPK terbahagi kepada empat (4) jabatan yang diketuai oleh seorang Penasihat Ladang, dua (2) Pengurus dan seorang Ketua Jabatan seperti dalam **Carta 1**.

CARTA 1
CARTA ORGANISASI KLPK PADA 31 MEI 2019



Sumber: Carta Organisasi KLPK

6.1.4. Semakan Audit mendapati KLPK tidak mengamalkan sepenuhnya empat (4) aspek amalan terbaik tadbir urus korporat iaitu Pengerusi, Lembaga Pengarah, Setiausaha Syarikat dan SOP. Aspek tadbir urus korporat yang tidak diamalkan oleh KLPK adalah seperti yang berikut:

a. Pengerusi

- i. Seksyen 212 Akta Syarikat 2016 menetapkan Pengerusi Lembaga Pengarah hendaklah dilantik di kalangan ahli Lembaga Pengarah dan tempoh jawatan ditetapkan. Amalan 1.2 MCCG 2017 dan Perenggan 2.1.3 *Green Book* pula menyatakan tugas dan tanggungjawab Pengerusi untuk memupuk amalan tadbir urus yang baik, kepimpinan dan keberkesanan Lembaga Pengarah hendaklah dinyatakan secara jelas.

- ii. Semakan Audit mendapati Pengerusi KLPK dilantik oleh YAB Menteri Besar Kedah di kalangan Lembaga Pengarah KLPK. Bagi tempoh tahun 2016 hingga Jun 2018, Pengerusi KLPK adalah merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dan tempoh pelantikan beliau berkuatkuasa mulai 1 Julai 2013. Selepas peletakan jawatan beliau pada 30 Jun 2018, Pengerusi baru yang merupakan Pegawai Khas Menteri Besar Kedah telah dilantik berkuatkuasa mulai 1 November 2018. Bagaimanapun, semakan Audit selanjutnya mendapati surat pelantikan yang dikeluarkan tidak menyatakan tempoh, tugas dan tanggungjawab Pengerusi. Perkara ini menyebabkan tugas dan peranan Pengerusi tidak jelas dan boleh menyebabkan tindakan atau keputusan yang diambil melangkaui had bidang kuasanya.

Maklum balas KLPK yang diterima pada 19 September 2019

Pihak pengurusan KLPK akan memastikan sebarang pelantikan Pengerusi menyatakan tempoh jawatan, skop tugas dan tanggungjawab dalam surat pelantikan Pengerusi yang akan datang. Pihak KLPK juga telah memajukan surat kepada PKNK, selaku pemegang saham untuk mendapatkan maklumat mengenai skop tugas dan tanggungjawab Pengerusi KLPK.

Pada pendapat Audit, pelantikan Pengerusi adalah selaras dengan amalan terbaik tadbir urus. Bagaimanapun, ketiadaan terma rujukan berhubung pelantikan Pengerusi boleh menyebabkan tugas dan peranan Pengerusi tidak jelas.

b. Lembaga Pengarah

- i. Amalan 2.1, Panduan 2.1 MCCG 2017 menyatakan Lembaga Pengarah hendaklah mempunyai Piagam Lembaga Pengarah yang jelas menyatakan peranan dan tanggungjawab Lembaga Pengarah, Jawatankuasa Lembaga Pengarah, ahli Lembaga Pengarah secara individu dan pengurusan syarikat serta isu dan keputusan yang tertakluk kepada Lembaga Pengarah. Semakan Audit mendapati KLPK tidak menyediakan Piagam Lembaga Pengarah sebagai rujukan kepada ahli Lembaga Pengarah mengenai peranan dan tanggungjawab Lembaga Pengarah secara jelas. Perkara ini boleh menyebabkan peranan dan tanggungjawab Lembaga Pengarah dalam mentadbir syarikat tidak jelas.

- ii. Amalan 3.1 MCCG 2017 menyatakan Lembaga Pengarah hendaklah mewujudkan Kod Tatalaku dan Etika untuk syarikat. Semakan Audit mendapati Lembaga Pengarah tidak mewujudkan Kod Tatalaku dan Etika untuk syarikat. Perkara ini berlaku kerana Lembaga Pengarah tidak mengambil maklum tentang kepentingan mewujudkan Kod Tatalaku dan Etika syarikat. Justeru, ini boleh menyebabkan risiko berlakunya konflik kepentingan, penyalahgunaan kuasa dan tingkah laku yang tidak beretika dalam persekitaran budaya syarikat.
- iii. Bayaran yuran dan faedah kepada Lembaga Pengarah telah dibuat tanpa mengambil kira kedudukan kewangan syarikat seperti berikut:
- Mengikut amalan 6.1 MCCG 2017, Lembaga Pengarah hendaklah mewujudkan dasar dan prosedur untuk menentukan imbuhan pengarah dan pengurusan kanan dengan mengambil kira beban kerja, kerumitan kerja, prestasi syarikat, kemahiran dan pengalaman yang diperlukan.
 - Semakan Audit terhadap penyata perbelanjaan KLPK bagi tempoh tahun 2016 hingga bulan Mei 2019 mendapati perbelanjaan yuran dan faedah bagi Lembaga Pengarah KLPK meliputi yuran, elaun perjalanan, elaun mesyuarat dan lain-lain faedah. Bagi tempoh tersebut, perbelanjaan bagi Lembaga Pengarah adalah masing-masing berjumlah RM0.96 juta, RM0.92 juta, RM381,262 dan RM26,000. Semakan Audit selanjutnya mendapati bayaran yuran dan elaun perjalanan Lembaga Pengarah merupakan perbelanjaan ketara dalam tempoh tahun 2016 hingga bulan Mei 2019. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
PERBANDINGAN ANTARA KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI
DENGAN YURAN DAN FAEDAH LEMBAGA PENGARAH

PERIHAL	2015 (RM)	2016 (RM)	2017 (RM)	2018 (RM)	2019 (Sehingga Mei) (RM)
Keuntungan/(Kerugian) Sebelum Cukai	(746,205)	136,285	331,078	70,138	TB
Jumlah yuran dan faedah Lembaga Pengarah					
i. Yuran	TB	441,000	444,000	148,000	15,000
ii. Elaun perjalanan		385,000	360,000	0	0
iii. Elaun mesyuarat		48,200	23,450	4,400	8,700
iv. Lain-lain perbelanjaan		84,570	95,125	228,862	2,300
Jumlah yuran dan faedah Lembaga Pengarah		958,770	922,575	381,262	26,000

Sumber: Rekod Kewangan KLPK

Nota: (TB) - Tidak Berkaitan

- Analisis Audit mendapati bayaran yuran Lembaga Pengarah pada tahun 2017 adalah berjumlah RM444,000, iaitu meningkat sebanyak 0.7% berbanding RM441,000 pada tahun 2016. Pada tahun 2018, yuran Lembaga Pengarah berjumlah RM148,000, iaitu menurun sebanyak 66.7%. Analisis selanjutnya mendapati bayaran elaun perjalanan Lembaga Pengarah pada tahun 2016 dan 2017 masing-masing berjumlah RM385,000 dan RM360,000. Bagi tahun 2018, tiada elaun perjalanan dibayar kepada Lembaga Pengarah. Pada bulan Januari hingga Mei 2019, yuran Lembaga Pengarah hanya dibayar kepada Pengerusi berjumlah RM15,000 dan tiada elaun perjalanan dibayar kepada Lembaga Pengarah.
- Semakan Audit mendapati yuran dan faedah bagi tahun 2016 berjumlah RM0.96 juta dibayar kepada Lembaga Pengarah walaupun KLPK mengalami kerugian berjumlah RM0.75 juta pada tahun 2015. Seterusnya pada tahun 2017 dan 2018, yuran dan faedah Lembaga Pengarah dibayar masing-masing berjumlah RM0.92 juta dan RM381,262, iaitu melebihi keuntungan tahun sebelumnya. Keuntungan pada tahun 2016 berjumlah RM136,285 manakala pada tahun 2017 berjumlah RM331,078. Keseluruhan ***bayaran yuran dan faedah Lembaga Pengarah bagi tempoh tersebut berjumlah RM2.26 juta telah dibuat tanpa mengambil kira kedudukan kewangan syarikat.***
- Perkara ini berlaku kerana tiada dasar dan prosedur yang jelas diwujudkan dalam menentukan yuran dan faedah Lembaga Pengarah. Selain itu, tiada bukti menunjukkan Setiausaha Syarikat memainkan peranan dalam menasihati Lembaga Pengarah berhubung perkara tersebut. Perbelanjaan ini memberi kesan kepada peningkatan perbelanjaan pentadbiran syarikat, secara tidak langsung menjelaskan prestasi kewangan syarikat.

Maklum balas KLPK yang diterima pada 19 September dan 8 Oktober 2019

Draf Piagam Lembaga Pengarah telah disediakan oleh PKNK dan akan dibentangkan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah PKNK yang akan datang untuk diguna pakai oleh semua syarikat subsidiari. Pengurusan KLPK juga mencadangkan kepada PKNK supaya mewujudkan Kod Tatalaku dan Etika untuk syarikat sebagaimana kehendak MCGC 2017.

Pihak pengurusan KLPK memaklumkan bahawa yuran Lembaga Pengarah dari tahun 2013 hingga bulan April 2018 telah dibayar secara bulanan menyebabkan pembayaran yang dibuat tidak berdasarkan kedudukan kewangan syarikat. Bagaimanapun, mulai Januari 2019 yuran Lembaga Pengarah hanya dibayar kepada Pengerusi sahaja iaitu berjumlah RM3,000 sebulan. Bayaran yuran dan elauan perjalanan ahli Lembaga Pengarah yang lain telah dihentikan sejak bulan Mei 2018.

Pada pendapat Audit, ketiadaan Piagam Lembaga Pengarah yang menjelaskan aspek peranan dan tanggungjawab Lembaga Pengarah menyebabkan tindakan dan keputusan yang dibuat tidak selaras dengan amalan terbaik tadbir urus korporat.

c. Setiausaha Syarikat

- i. Perkara 94, M&A KLPK dan Seksyen 236(1) Akta Syarikat 2016 menyatakan Lembaga Pengarah hendaklah melantik seorang Setiausaha Syarikat dan menentukan terma dan syarat pelantikan tersebut.
- ii. Semakan Audit mendapati Setiausaha Syarikat KLPK dilantik oleh PKNK. Berkuatkuasa mulai 21 Mac 2003, Setiausaha Syarikat KLPK yang dilantik adalah Timbalan Pengurus Setiausaha Korporat & Perundangan PKNK. Bagaimanapun, tiada terma dan syarat lantikan ditetapkan berhubung tugas dan tanggungjawab Setiausaha Syarikat dan pelantikan tersebut juga tidak dibuat pengesahan di peringkat Lembaga Pengarah KLPK.
- iii. Perkara ini berlaku kerana pelantikan Setiausaha Syarikat bagi semua syarikat subsidiari dibuat oleh PKNK sendiri. Selain itu, ketiadaan terma rujukan yang jelas menyebabkan tugas dan tanggungjawab Setiausaha Syarikat tidak dapat ditentukan dan dipantau oleh Lembaga Pengarah atau pengurusan KLPK.

Maklum balas KLPK yang diterima pada 19 September dan 8 Oktober 2019

Perbincangan dengan Setiausaha Syarikat telah diadakan pada 19 September 2019 bagi memantapkan peranan dan tugas Setiausaha Syarikat. Pelantikan Setiausaha Syarikat dan penetapan terma dan syarat lantikan akan dibentangkan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah KLPK akan datang untuk pengesahan.

Pada pendapat Audit, pelantikan Setiausaha Syarikat tidak selaras dengan amalan terbaik tadbir urus korporat kerana terma rujukan berhubung tugas dan peranan Setiausaha Syarikat tidak dinyatakan dengan jelas.

d. *Standard Operating Procedures (SOP)*

- i. MKD *Handbook* – Perenggan 1.9(c), Perenggan 2.2 (f), Perenggan 3.25 hingga 3.28 menyatakan syarikat perlu mempunyai SOP yang lengkap dan menyeluruh merangkumi urusan kewangan dan aktiviti syarikat yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah. Pematuhan SOP yang telah diluluskan hendaklah merangkumi pengurusan kewangan dan aktiviti syarikat.
- ii. Semakan Audit mendapati SOP yang diguna pakai oleh KLPK merangkumi pengurusan kewangan dan aktiviti utama syarikat. Bagaimanapun, pihak Audit mendapati SOP yang diguna pakai tidak dibentang untuk kelulusan Lembaga Pengarah KLPK. Selain itu, KLPK sedang mengemas kini SOP Perladangan yang sedia ada selaras dengan kehendak Pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) dan SOP tersebut masih di peringkat penyediaan draf.
- iii. SOP yang tidak mendapat kelulusan Lembaga Pengarah boleh memberi kesan terhadap pelaksanaan dan pemantauan terhadap tugas berkaitan pengurusan kewangan dan aktiviti syarikat.

Maklum balas KLPK yang diterima pada 4 Februari 2020

SOP KLPK yang diguna pakai telah dibentangkan dan diluluskan oleh ahli Lembaga Pengarah KLPK pada Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah KLPK kali ke – 80 (05/2019) pada 13 Oktober 2019.

Pada pendapat Audit, amalan tadbir urus dalam aspek penyediaan SOP adalah kurang memuaskan kerana SOP yang diguna pakai tidak diluluskan oleh Lembaga Pengarah.

6.1.5. Selain aspek amalan tadbir urus korporat, aspek pemantauan terhadap syarikat subsidiari dan pengurusan kewangan syarikat turut dinilai bagi memastikan pelaksanaannya dijalankan dengan berkesan mengikut SOP yang ditetapkan. Butiran lanjut adalah seperti berikut:

a. Pemantauan Syarikat Subsidiari

- i. KLPK mempunyai dua (2) syarikat subsidiari, iaitu KLPK Niaga Sdn. Bhd. (KLPK Niaga) dan KLPK Ternak Sdn. Bhd. (KLPK Ternak). Komposisi Lembaga Pengarah syarikat subsidiari tersebut terdiri daripada Pengerusi KLPK sendiri sebagai Pengerusi dan tiga (3) ahli lain, iaitu Pengarah Urusan KLPK, seorang pengurus KLPK dan seorang pengarah bebas. Aktiviti syarikat subsidiari KLPK adalah seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
SENARAI SYARIKAT SUBSIDIARI KLPK SEHINGGA 31 MEI 2019

BIL.	NAMA SYARIKAT	TARIKH DIPERBADANKAN	JENIS AKTIVITI
1.	KLPK Niaga Sdn. Bhd.	23.11.1996	<ul style="list-style-type: none"> a. Kilang Baja Bio-Organik – pengeluaran, pengedaran dan pemasaran baja organik. b. Pemasaran alat pelindung hujan untuk pokok getah seperti Gambar 1. c. Mengeluarkan dan membekal benih semaihan. d. Membekal tenaga kerja untuk sektor perladangan. e. Membekal peralatan dan bahan kimia pertanian.
2.	KLPK Ternak Sdn. Bhd.	21.04.2009	<ul style="list-style-type: none"> a. Ternakan dan jualan lembu fidlot serta lembu integrasi seperti Gambar 2. b. Pusat kuarantin haiwan. c. Mengimport lembu dari negara jiran.

Sumber: Rekod KLPK

GAMBAR 1



Ladang Bukit Perak Utara, Pendang
- Alat Pelindung Hujan
(14.10.2019)
(Sumber: KLPK Sdn. Bhd.)

GAMBAR 2



Ladang Laka Temin, Kubang Pasu
- Ternakan Lembu Fidlot
(22.08.2019)
(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- ii. MKD *Handbook* Perenggan 3.46 menyatakan Lembaga Pengarah syarikat induk harus memastikan laporan prestasi syarikat subsidiari dibentangkan dari semasa ke semasa dalam mesyuarat Lembaga Pengarah syarikat induk bagi tujuan pemantauan.
- iii. Semakan Audit mendapati laporan prestasi aktiviti dan kewangan syarikat subsidiari telah dibentangkan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah KLPK. Berdasarkan penyata kewangan beraudit syarikat subsidiari bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018, keuntungan sebelum cukai yang dicatatkan oleh KLPK Niaga menunjukkan trend penurunan, iaitu masing-masing RM1.37 juta, RM1.28 juta dan RM1.14 juta. **KLPK Ternak pula mencatatkan kerugian bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018 masing-masing berjumlah RM156,847, RM360,001 dan RM106,471.** Butiran lanjut kedudukan kewangan syarikat subsidiari KLPK adalah seperti dalam **Jadual 3**.

**JADUAL 3
KEDUDUKAN KEWANGAN SYARIKAT SUBSIDIARI KLPK
BAGI TEMPOH TAHUN 2016 HINGGA 2018**

PERKARA	KLPK NIAGA SDN. BHD.			KLPK TERNAK SDN. BHD.		
	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	2018 (RM Juta)
Pendapatan	1.90	7.01	9.12	0.32	7.40	4.29
Perbelanjaan	(0.53)	(5.73)	(7.98)	(0.48)	(7.76)	(4.40)
Untung/(Rugi) Sebelum Cukai	1.37	1.28	1.14	(0.16)	(0.36)	(0.11)

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit KLPK Niaga dan KLPK Ternak

- iv. Penurunan keuntungan bagi KLPK Niaga adalah disebabkan peningkatan kos pembelian bahan mentah yang terdiri daripada bahan kimia untuk pembuatan baja, iaitu RM5.54 juta pada tahun 2018 berbanding RM4.51 juta pada tahun 2017.
- v. Pihak Audit mendapati kerugian KLPK Ternak antaranya adalah disebabkan oleh peningkatan kos penjagaan lembu. Semakan Audit terhadap rekod stok lembu mendapati baki lembu yang masih belum dijual setakat bulan Mei 2019 adalah sebanyak 716 ekor. Pihak Audit mendapati lembu tersebut telah dibeli antara bulan Januari hingga April 2018. Bagaimanapun, lembu yang dibeli tidak menepati saiz yang sesuai untuk dijual menyebabkan KLPK Ternak perlu menanggung kos penjagaan sehingga tempoh maksimum 16 bulan. Selain itu, semakan terhadap rekod kematian lembu mendapati

peningkatan jumlah lembu mati turut menyumbang kepada kerugian KLPK Ternak. Bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018, bilangan lembu yang mati masing-masing adalah sebanyak 35 ekor, 44 ekor dan 51 ekor. Kematian lembu tersebut antaranya berpunca daripada penyakit kembung perut, saluran usus tersumbat dan hawar berdarah. Selain itu, terdapat juga kematian lembu yang tidak dapat dikenal pasti puncanya. Bagaimanapun bagi tempoh Januari hingga 31 Mei 2019, bilangan lembu mati telah menurun kepada lima (5) ekor sahaja.

- vi. Selain itu, projek ternakan itik bagi tahun 2016 dan 2017 mencatatkan kerugian masing-masing berjumlah RM38,577 dan RM0.55 juta. Kerugian projek ini adalah disebabkan harga pasaran itik yang rendah dan tidak menguntungkan. Bagaimanapun, projek ternakan itik telah dihentikan sepenuhnya pada tahun 2019.
- vii. Perkara ini memberi kesan kepada pencapaian objektif penubuhan syarikat subsidiari dalam memberi pulangan yang optimum kepada KLPK.

Maklum balas KLPK yang diterima pada 19 September 2019

Pada tahun 2019, pengurusan KLPK bersama syarikat subsidiari sedang berusaha untuk meningkatkan keuntungan dan meminimumkan kos operasi bagi memperkuuhkan kedudukan kewangan syarikat subsidiari.

Pada pendapat Audit, pemantauan KLPK terhadap syarikat subsidiari adalah kurang memuaskan kerana prestasi kewangan syarikat subsidiari mengalami penurunan dan kerugian bagi tempoh tiga (3) tahun berturut-turut.

b. Pengurusan Kewangan

- i. Seksyen 132(2) Akta Syarikat 1965 dan Seksyen 218(1) Akta Syarikat 2016 menetapkan Lembaga Pengarah atau Pegawai Syarikat hendaklah mendapat kebenaran atau pengesahan AGM untuk menggunakan harta syarikat, kedudukannya atau peluang dalam syarikat untuk mendapat manfaat bagi dirinya atau orang lain. Selain itu, berdasarkan SOP syarikat berkaitan kuasa melulus perbelanjaan, kelulusan bagi perbelanjaan derma dan sumbangan adalah di peringkat Lembaga Pengarah.

- ii. Pada tahun 2016 hingga bulan Mei 2019, jumlah perbelanjaan derma dan sumbangan CSR masing-masing adalah berjumlah RM353,020, RM508,306, RM477,750 dan RM34,700. Pihak Audit mendapati perbelanjaan derma dan sumbangan CSR bagi tahun 2016 dan 2018 hanya dibentangkan secara *lump sum* dalam mesyuarat Lembaga Pengarah KLPK untuk pengesahan selepas perbelanjaan dibuat seperti dalam **Jadual 4**. Bagaimanapun, perbelanjaan derma dan sumbangan CSR tahun 2017 berjumlah RM508,306 tidak dibuat pengesahan dalam mesyuarat Lembaga Pengarah. Semakan Audit selanjutnya mendapati perbelanjaan tersebut hanya diluluskan oleh Pengerusi/Pengarah Urusan sebelum pembayaran dibuat.

JADUAL 4
PENGESAHAN PERBELANJAAN DERMA DAN SUMBANGAN
DALAM MESYUARAT LEMBAGA PENGARAH KLPK

BIL.	BUTIRAN	BILANGAN MINIT MESYUARAT	TARIKH	JUMLAH YANG DILULUSKAN* (RM Juta)
1.	Pengesahan Sumbangan CSR sehingga 18 Ogos 2016	Kali ke 67 (02/2016)	05.09.2016	1.05
2.	Pengesahan Sumbangan CSR sehingga 31 Disember 2016	Kali ke 69 (04/2016)	31.12.2016	1.32
3.	Pengesahan Sumbangan CSR sehingga 31 Ogos 2018	Kali ke 73 (02/2018)	04.10.2018	0.59
JUMLAH KESELURUHAN				2.96

Sumber: Minit Mesyuarat Lembaga Pengarah KLPK

Nota: (*) - Jumlah yang diluluskan adalah termasuk derma dan sumbangan oleh syarikat subsidiari.

- iii. Semakan Audit terhadap **11 baucar bayaran berjumlah RM0.53 juta melibatkan perbelanjaan derma dan sumbangan CSR** kepada ADUN Kota Siputeh yang juga merupakan Pengerusi KLPK sendiri. Pihak Audit mendapati perbelanjaan tersebut **telah dibuat tanpa mendapat pengesahan dalam AGM**. Butiran seperti dalam **Jadual 5**.

JADUAL 5
PERBELANJAAN DERMA DAN SUMBANGAN YANG DILULUSKAN OLEH
PENGERUSI/PENGARAH URUSAN

BIL.	NO. BAUCAR / TARikh	PERIHAL BAYARAN	PEMOHON SUMBANGAN	AMAUN (RM)
1.	73/1 20.01.2016	Sumbangan mesin tepung warga emas	ADUN Kota Siputeh/ Pengerusi KLPK	2,220
2.	63/6 21.06.2016	Sumbangan Program Hari Raya Aidilfitri Pusat Khidmat DUN Kota Siputeh	ADUN Kota Siputeh/ Pengerusi KLPK	60,000

BIL.	NO. BAUCAR / TARikh	PERIHAL BAYARAN	PEMOHON SUMBANGAN	AMAUN (RM)
3.	52/8 11.08.2016	Sumbangan Program Rakyat Bersama Menteri Besar di Parlimen Jerlun	ADUN Kota Siputeh/ Pengerusi KLPK	80,000
4.	30/11 10.11.2016	Sumbangan untuk Program Bicara Ilmu anjuran Pusat Khidmat ADUN Kota Siputeh	ADUN Kota Siputeh/ Pengerusi KLPK	8,000
5.	1/12 13.12.2016	Program sumbangan pemberian beg dan perkakasan sekolah Parlimen Jerlun anjuran Pusat Khidmat DUN Kota Siputeh	ADUN Kota Siputeh/ Pengerusi KLPK	40,000
6.	83/6 19.06.2017	Perbelanjaan Lawatan Kerja PM ke Parlimen Jerlun - ADUN Kota Siputeh	ADUN Kota Siputeh/ Pengerusi KLPK	50,000
7.	65/7 31.07.2017	Sumbangan Asnaf Sempena Program Bersama PM di Parlimen Jerlun	ADUN Kota Siputeh/ Pengerusi KLPK	100,000
8.	61/9 25.09.2017	Sumbangan bantuan banjir kawasan Parlimen Jerlun	ADUN Kota Siputeh/ Pengerusi KLPK	20,000
9.	9/12 31.12.2017	Program sumbangan pemberian beg dan perkakasan sekolah Parlimen Jerlun anjuran Pusat Khidmat DUN Kota Siputeh	ADUN Kota Siputeh/ Pengerusi KLPK	50,000
10.	1/3 05.03.2018	Program masyarakat Parlimen Jerlun sempena lawatan YAB Menteri Besar Kedah	ADUN Kota Siputeh/ Pengerusi KLPK	50,000
11.	26/4 05.04.2018	Sumbangan bantuan peralatan input pertanian sempena lawatan YAB Perdana Menteri ke kawasan Parlimen Jerlun	ADUN Kota Siputeh/ Pengerusi KLPK	70,000
JUMLAH KESELURUHAN				530,220

Sumber: Baucar Bayaran KLPK

iv. Perkara ini berlaku kerana KLPK tidak mempunyai SOP yang jelas mengenai perbelanjaan derma dan sumbangan CSR. Ketidaaan SOP yang jelas boleh menyebabkan perbelanjaan yang dibuat tiada kawalan dan berlaku salah guna kuasa serta secara tidak langsung menjelaskan kedudukan kewangan syarikat.

Maklum balas KLPK yang diterima pada 19 September 2019

Pada tahun 2019, pihak pengurusan KLPK akan memastikan setiap bayaran CSR mendapat kelulusan Lembaga Pengarah terlebih dahulu. Pihak pengurusan KLPK juga akan menambah baik SOP sedia ada dengan menghadkan jumlah perbelanjaan atau jenis sumbangan yang bersesuaian bagi mengelakkan berlaku perbelanjaan tanpa kawalan. Selain itu, KLPK juga akan menetapkan semula had kuasa melulus bagi perbelanjaan tersebut supaya lebih praktikal.

Pada pendapat Audit, perbelanjaan derma dan sumbangan CSR yang tidak dikawal telah memberi kesan kepada kedudukan kewangan syarikat.

6.2. Pengurusan Aktiviti

Berdasarkan objektif penubuhan syarikat, aktiviti perladangan merupakan penyumbang utama kepada pendapatan KLPK. Sehingga 31 Mei 2019, KLPK menguruskan 11 ladang milik PKNK yang berkeluasan 9,743.01 hektar. Daripada jumlah tersebut, 8,496.79 hektar adalah kawasan bertanam yang terdiri daripada 3,397.02 hektar (40%) ladang getah dan 5,099.77 hektar (60%) ladang kelapa sawit. Selain ladang, KLPK turut diberi tanggungjawab menguruskan kilang getah iaitu Kilang Hevea Bukit Perak (KHBP) yang terletak di Daerah Pendang, Kedah. Di samping itu, KLPK turut menguruskan ladang milik syarikat swasta yang berkeluasan 300.16 hektar. Daripada jumlah tersebut, 287.16 hektar merupakan kawasan bertanam yang terdiri daripada ladang kelapa sawit. Selain menguruskan Ladang PKNK dan Swasta, KLPK juga mengusahakan ladang miliknya sendiri yang berkeluasan 384.04 hektar. Daripada jumlah tersebut, 295.13 hektar merupakan kawasan bertanam yang terdiri daripada ladang getah. Senarai ladang yang diuruskan oleh KLPK sehingga 31 Mei 2019 seperti dalam **Jadual 6**.

JADUAL 6
SENARAI LADANG-LADANG YANG DIURUSKAN OLEH KLPK
SEHINGGA 31 MEI 2019

BIL.	NAMA LADANG	KELUASAN LADANG		KELUASAN BERTANAM	
		KESELURUHAN (Hektar)	BERTANAM (Hektar)	GETAH (Hektar)	KELAPA SAWIT (Hektar)
LADANG PKNK					
1.	Ladang Bukit Perak Utara	2,320.00	2,237.60	767.00	1,470.60
2.	Ladang Bukit Perak Selatan	2,233.00	2,050.00	1,000.00	1,050.00
3.	Ladang Sungai Ular	1,828.07	1,613.55	0.00	1,613.55
4.	Ladang Pinang Tunggal	184.61	184.61	34.38	150.23
5.	Ladang Sungai Pau	45.33	45.33	0.00	45.33
6.	Ladang Bukit Nguan	1,569.80	919.64	919.64	0.00
7.	Ladang Laka Temin	489.00	428.00	414.00	14.00
8.	Ladang Aman Jaya	733.97	696.06	0.00	696.06
9.	Ladang Gurun	48.00	45.00	0.00	45.00
10.	Ladang Jabi	20.23	15.00	0.00	15.00
11.	Ladang Caruk Genting Bunga	271.00	262.00	262.00	0.00
JUMLAH KECIL		9,743.01	8,496.79	3,397.02	5,099.77
LADANG SWASTA					
1.	Ladang Bukit Selambau - Koperasi Guru-Guru Melayu Kedah Berhad	33.00	33.00	0.00	33.00
2.	Ladang Kuala Ketil - Bina Darulaman Berhad	66.21	61.21	0.00	61.21
3.	Ladang Sungai Petani - Bina Darulaman Berhad	39.00	35.00	0.00	35.00
4.	Ladang Kuala Ketil - BDB Land Sdn. Bhd.	20.56	16.56	0.00	16.56
5.	Ladang Sg. Ular - Bina Darulaman Berhad	141.39	141.39	0.00	141.39

BIL.	NAMA LADANG	KELUASAN LADANG		KELUASAN BERTANAM		
		KESELURUHAN (Hektar)	BERTANAM (Hektar)	GETAH (Hektar)	KELAPA SAWIT (Hektar)	
JUMLAH KECIL		300.16	287.16	0.00	287.16	
LADANG KLPK (LADANG NAKA)						
1.	Ladang Charok Tawar	136.07	73.70	73.70	0.00	
2.	Ladang Durian Wahab	39.85	39.85	39.85	0.00	
3.	Ladang Bukit Masjid	73.71	63.71	63.71	0.00	
4.	Ladang Sg. Agong	87.41	70.87	70.87	0.00	
5.	Ladang Bukit Dada Ayam	47.00	47.00	47.00	0.00	
JUMLAH KECIL		384.04	295.13	295.13	0.00	
JUMLAH KESELURUHAN		10,427.21	9,079.08	3,692.15	5,386.93	

Sumber: Rekod KLPK

Hasil semakan Audit terhadap aktiviti KLPK adalah seperti berikut:

6.2.1. Prestasi Aktiviti

a. Pencapaian Output

Pencapaian output diukur berdasarkan pencapaian sebenar pengeluaran getah kering, buah tandan segar (BTS) dan *Standard Malaysian Rubber* (SMR) mengikut berat timbangan berbanding sasaran yang ditetapkan. Selain itu, prestasi penjualan hasil ladang dan kilang juga turut dinilai bagi menentukan pencapaian output. Butiran lanjut adalah seperti berikut:

i. Prestasi Pengeluaran Getah Kering

- Secara keseluruhannya, keluasan ladang tanaman getah yang diuruskan oleh KLPK bagi tempoh tahun 2016 hingga bulan Mei 2019 masing-masing adalah berjumlah 4,892.36 hektar, 4,583.69 hektar, 3,570.15 hektar dan 3,692.15 hektar. Keluasan tersebut merangkumi Ladang PKNK, Ladang Swasta dan Ladang Naka. Bagi tempoh tahun 2016 hingga bulan Mei 2019, keluasan tanaman yang matang masing-masing adalah 3,155.80 hektar (64.5%), 2,894.34 hektar (63.1%), 2,334.73 hektar (65.4%) dan 2,378.43 hektar (64.4%) berbanding jumlah keluasan ladang getah. Sehingga bulan Mei 2019, sebanyak lapan (8) daripada 11 ladang telah mengeluarkan hasil. Butiran terperinci berhubung keluasan ladang getah yang diuruskan oleh KLPK adalah seperti dalam **Jadual 7**.

JADUAL 7
KELUASAN LADANG GETAH
BAGI TEMPOH TAHUN 2016 HINGGA BULAN MEI 2019

BUTIRAN	2016 (Hektar)	2017 (Hektar)	2018 (Hektar)	2019 (Sehingga Mei) (Hektar)
Keluasan tanaman matang	3,155.80	2,894.34	2,334.73	2,378.43
Keluasan tanaman belum matang	1,736.56	1,689.35	1,135.42	1,313.72
Keluasan penanaman semula	0.00	0.00	100.00	0.00
JUMLAH KESELURUHAN	4,892.36	4,583.69	3,570.15	3,692.15

Sumber: Rekod KLPK

- Berdasarkan Laporan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018, KLPK telah menyasarkan pengeluaran getah kering masing-masing sebanyak 4.14 juta kg, 3.41 juta kg dan 3.42 juta kg. Asas dalam menentukan KPI tersebut adalah berdasarkan keluasan ladang yang berhasil, usia pokok dan prestasi pencapaian pengeluaran pada tahun sebelumnya. Secara purata, sasaran pengeluaran getah kering menunjukkan trend penurunan berikutan penurunan jumlah keluasan tanaman getah yang berhasil bagi tempoh tersebut.
- Analisis Audit terhadap Laporan Prestasi Pengeluaran Ladang mendapati secara keseluruhannya, peratus pencapaian ***prestasi pengeluaran getah kering bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018 adalah antara 97.6% hingga 102.9% berbanding sasaran yang ditetapkan***. Pada tahun 2017, peratus pencapaian pengeluaran sebenar getah kering berbanding sasaran adalah sebanyak 100.3%, iaitu meningkat sebanyak 2.7% berbanding 97.6% pada tahun 2016. Pada tahun 2018 pula, peratus pencapaian pengeluaran getah berbanding sasaran juga meningkat kepada 102.9%.
- Semakan Audit mendapati pada tahun 2017 jumlah pengeluaran getah kering menunjukkan penurunan iaitu 3.42 juta kg berbanding 4.04 juta kg pada tahun 2016 dan meningkat kepada 3.52 juta kg pada tahun 2018. Daripada sembilan (9) ladang getah yang diuruskan bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018, terdapat ladang yang masih tidak mencapai sasaran pengeluaran getah kering yang ditetapkan iaitu masing-masing sebanyak lima (5) ladang, dua (2) ladang dan tiga (3)

ladang. Kedudukan prestasi pengeluaran sebenar getah kering berbanding sasaran yang ditetapkan adalah seperti dalam **Jadual 8**.

JADUAL 8
PRESTASI PENGETUARAN GETAH KERING
BERBANDING SASARAN BAGI TEMPOH TAHUN 2016 HINGGA 2018

BIL.	LADANG	2016		2017		2018	
		SASARAN (Juta Kg)	KELUARAN SEBENAR (Juta Kg)	SASARAN (Juta Kg)	KELUARAN SEBENAR (Juta Kg)	SASARAN (Juta Kg)	KELUARAN SEBENAR (Juta Kg)
LADANG PKNK							
1.	Ladang Bukit Perak Utara	1.40	1.24	0.80	0.74	0.56	0.71
2.	Ladang Bukit Perak Selatan	1.22	1.11	0.96	0.83	0.75	0.84
3.	Ladang Sungai Pau	0.08	0.07	0.00	0.08	0.00	0.006
4.	Ladang Bukit Nguan	0.89	1.03	1.13	1.16	1.37	1.27
5.	Ladang Laka Temin	0.33	0.41	0.47	0.51	0.60	0.53
6.	Ladang Pinang Tunggal	0.00	0.00	0.00	0.02	0.04	0.03
LADANG SWASTA							
7.	Ladang Padang Sera - KHTP	0.01	0.009	0.00	0.00	0.00	0.00
8.	Ladang Sungai Pau - KBB	0.21	0.15	0.00	0.00	TK	TK
LADANG KLPK							
9.	Ladang Naka	0.00	0.02	0.05	0.08	0.10	0.13
JUMLAH KESELURUHAN		4.14	4.04	3.41	3.42	3.42	3.52
LEBIHAN / (KURANGAN)		(0.10)		0.01		0.10	
PERATUS PENCAPAIAN (%)		97.6		100.3		102.9	

Sumber: Laporan Prestasi Pengeluaran Ladang

Nota: (TK) – Tamat Kontrak

- Faktor utama menyumbang kepada penurunan jumlah pengeluaran getah kering adalah disebabkan pengurangan saiz kawasan matang bagi ladang tanaman getah. Pengurangan saiz kawasan matang berlaku antaranya disebabkan oleh penggantian penanaman pokok getah yang telah mencapai jangka hayat kepada tanaman kelapa sawit.

ii. Prestasi Pengeluaran Buah Tandan Segar (BTS) Kelapa Sawit

- Secara keseluruhannya, keluasan ladang tanaman kelapa sawit yang diuruskan oleh KLPK bagi tempoh tahun 2016 hingga bulan Mei 2019 masing-masing adalah berjumlah 4,845.84 hektar, 4,642.04 hektar, 5,450.99 hektar dan 5,386.93 hektar. Keluasan tersebut merangkumi Ladang PKNK dan Ladang Swasta. Bagi tempoh tahun 2016 hingga

bulan Mei 2019, keluasan tanaman yang matang masing-masing adalah 2,237.86 hektar (46.2%), 1,904.41 hektar (41.0%), 1,879.53 hektar (34.5%) dan 2,695.07 hektar (50.0%) berbanding jumlah keluasan ladang kelapa sawit. Sehingga bulan Mei 2019, sebanyak 12 ladang kelapa sawit telah mengeluarkan hasil. Butiran terperinci berhubung keluasan ladang kelapa sawit yang diuruskan oleh KLPK seperti dalam **Jadual 9**.

JADUAL 9
KELUASAN LADANG KELAPA SAWIT BAGI TEMPOH
TAHUN 2016 HINGGA BULAN MEI 2019

PERIHAL	2016 (Hektar)	2017 (Hektar)	2018 (Hektar)	2019 (Sehingga Mei) (Hektar)
Keluasan tanaman matang	2,237.86	1,904.41	1,879.53	2,695.07
Keluasan tanaman belum matang	489.95	1,248.83	2,479.86	2,341.53
Keluasan penanaman semula	2,118.03	1,488.80	1,091.60	350.33
JUMLAH KESELURUHAN	4,845.84	4,642.04	5,450.99	5,386.93

Sumber: Rekod KLPK

- Berdasarkan Laporan KPI bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018, KLPK telah menyasarkan pengeluaran BTS masing-masing adalah 32,067 tan metrik, 26,660 tan metrik dan 28,920 tan metrik. Asas dalam menentukan KPI tersebut adalah berdasarkan keluasan ladang yang berhasil, usia pokok dan prestasi pencapaian pengeluaran pada tahun sebelum. Secara purata, sasaran pengeluaran BTS menunjukkan trend penurunan berikutan penurunan jumlah keluasan tanaman BTS yang berhasil bagi tempoh tersebut.
- Analisis Audit terhadap Laporan Prestasi Pengeluaran Ladang mendapati peratus pencapaian ***prestasi pengeluaran BTS bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018 adalah antara 71.9% hingga 105.7% berbanding sasaran pengeluaran yang ditetapkan***. Pada tahun 2017, peratus pencapaian pengeluaran sebenar BTS berbanding sasaran adalah sebanyak 105.7%, iaitu meningkat sebanyak 33.8% berbanding 71.9% pada tahun 2016. Pada tahun 2018 pula, peratus pencapaian pengeluaran BTS berbanding sasaran menurun kepada 88%.
- Semakan Audit mendapati jumlah pengeluaran pada tahun 2017 menunjukkan peningkatan iaitu, 28,178 tan metrik berbanding 23,072 tan metrik pada tahun 2016. Bagaimanapun, jumlah

pengeluaran BTS menurun kepada 25,598 tan metrik pada tahun 2018. Daripada 14 ladang kelapa sawit yang diuruskan bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018, terdapat ladang yang tidak mencapai sasaran yang ditetapkan masing-masing sebanyak 11 ladang, empat (4) ladang dan lima (5) ladang. Kedudukan prestasi pengeluaran sebenar BTS berbanding sasaran yang ditetapkan seperti dalam **Jadual 10**.

JADUAL 10
PRESTASI PENGETAHUAN BUAH TANDAN SEGAR (BTS)
BERBANDING SASARAN BAGI TEMPOH TAHUN 2016 HINGGA 2018

BIL.	LADANG	PENGELUARAN BTS					
		2016 (Tan Metrik)		2017 (Tan Metrik)		2018 (Tan Metrik)	
		SASARAN	KELUARAN SEBENAR	SASARAN	KELUARAN SEBENAR	SASARAN	KELUARAN SEBENAR
LADANG PKNK							
1.	Ladang Bukit Perak Utara	530	477	525	561	570	1,341
2.	Ladang Bukit Perak Selatan	100	204	194	557	780	1,591
3.	Ladang Gurun	1300	650	1,100	705	900	921
4.	Ladang Aman Jaya	9,500	5,260	8,600	6,660	9,030	7,472
5.	Ladang Laka Temin	35	33	56	152	210	202
6.	Ladang Pinang Tunggal	270	84	625	525	1,080	1,090
7.	Ladang Sungai Ular	10,600	9,192	11,600	11,725	12,540	8,087
8.	Ladang Jabi	-	33	100	227	240	298
LADANG SWASTA							
9.	Ladang Padang Sera - KHTP	2,000	1,600	2,000	1,594	1,800	640
10.	Ladang Sg Ular -BDB	1,551	1,582	1,400	1,488	1,500	1,268
11.	Ladang Kuala Ketil – BDB Land	900	588	0	612	0	490
12.	Ladang Kuala Ketil - BDB	4,000	2,669	0	2,433	0	1,572
13.	Ladang Sungai Petani - BDB	800	283	0	363	0	334
14.	Ladang Kuala Ketil - KUIN	481	417	460	576	270	292
JUMLAH KESELURUHAN		32,067	23,072	26,660	28,178	28,920	25,598
LEBIHAN/(KURANGAN)		(8,995)		1,518		(3,322)	
PERATUS PENCAPAIAN (%)		71.9		105.7		88.5	

Sumber: Laporan Prestasi Pengeluaran Ladang

- Selain itu, semakan Audit mendapati purata pengeluaran BTS sehektar bagi ladang kelapa sawit yang diuruskan oleh KLPK adalah lebih rendah berbanding purata pengeluaran BTS Semenanjung Malaysia yang dikeluarkan oleh Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB). Purata pengeluaran BTS sehektar bagi tahun 2016 hingga 2018 masing-masing adalah 10.31 tan metrik, 14.80 tan metrik dan 13.62 tan metrik. Perbandingan purata pengeluaran BTS bagi ladang yang diuruskan oleh KLPK dengan MPOB untuk tempoh tahun 2016 hingga 2018 seperti dalam **Jadual 11**.

JADUAL 11
PURATA PENGELOUARAN BTS SEHEKTAR BERBANDING MPOB
BAGI TEMPOH TAHUN 2016 HINGGA 2018

TAHUN	PURATA PENGELOUARAN BTS			
	KLPK	MPOB	PERBEZAAN	%
2016	10.31	13.70	(3.39)	(24.7)
2017	14.80	19.71	(4.91)	(24.9)
2018	13.62	17.13	(3.51)	(20.5)

Sumber: Laporan KPI KLPK dan MPOB

- Berdasarkan Laporan Ringkasan Keluasan Ladang KLPK, pengurangan prestasi pengeluaran BTS berlaku adalah disebabkan oleh program penanaman semula pokok kelapa sawit yang telah mencapai jangka hayat. Ladang tersebut antaranya adalah Ladang Bukit Perak Utara, Ladang Bukit Perak Selatan, Ladang Sungai Ular dan Ladang Sungai Pau. Program penanaman semula tersebut telah menyebabkan pengurangan kawasan tanaman berhasil secara tidak langsung mengurangkan pengeluaran hasil BTS.

iii. Prestasi pengeluaran SMR di Kilang Getah (Kilang Hevea Bukit Perak)

- Kilang Hevea Bukit Perak (KHP) beroperasi dengan membeli getah kering dari ladang getah PKNK, Ladang Swasta dan Ladang KLPK untuk diproses menjadi SMR dan kemudiannya menjual kepada pihak ketiga. Bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018, KLPK telah menyasarkan pengeluaran hasil kilang masing-masing adalah 4.14 juta kg, 3.41 juta kg dan 3.42 juta kg.
- Analisis Audit terhadap Laporan Prestasi Pengeluaran KHP mendapati ***pengeluaran SMR bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018 mencapai antara 98.1% hingga 123.7% berbanding sasaran yang ditetapkan***. Semakan Audit mendapati pengeluaran SMR pada tahun 2017 menunjukkan penurunan, iaitu 3.44 juta kg berbanding 4.06 juta kg pada tahun 2016, namun meningkat kepada 4.23 juta kg pada tahun 2018. Prestasi pengeluaran SMR berbanding sasaran bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018 seperti dalam **Jadual 12**.

JADUAL 12
PRESTASI PENGELOUARAN SMR BERBANDING SASARAN
BAGI TEMPOH TAHUN 2016 HINGGA 2018

BUTIRAN	2016		2017		2018	
	SASARAN (Juta Kg)	KELUARAN SEBENAR (Juta Kg)	SASARAN (Juta Kg)	KELUARAN SEBENAR (Juta Kg)	SASARAN (Juta Kg)	KELUARAN SEBENAR (Juta Kg)
SMR	4.14	4.06	3.41	3.44	3.42	4.23
LEBIHAN/ KURANGAN	(0.08)		0.03		0.81	
PERATUS PENCAPAIAN (%)	98.1		100.9		123.7	

Sumber: Prestasi Pengeluaran Kilang

- Berdasarkan temu bual bersama pengurus KHBP pada 24 Julai 2019, pihak Audit mendapati kapasiti pengeluaran maksimum kilang adalah sebanyak 0.80 juta kg sebulan. Bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018, purata pengeluaran SMR bulanan masing-masing adalah 338,239 kg, 286,552 kg dan 352,503 kg iaitu di bawah kapasiti pengeluaran maksimum.
- Keadaan ini berlaku disebabkan oleh bekalan getah kering yang diterima daripada ladang yang diuruskan oleh KLPK tidak mencukupi. Pengurangan pengeluaran SMR menyebabkan hasil KHBP berkurangan dan secara tidak langsung memberi kesan kepada pendapatan KLPK.

iv. Prestasi Penjualan Hasil Ladang dan Kilang Getah

- KLPK turut menetapkan KPI bagi hasil jualan getah dan kelapa sawit di semua ladang dan kilang getah yang diuruskan melalui Bajet Tahunan yang disediakan. Bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018, KLPK menyasarkan jualan hasil getah masing-masing adalah berjumlah RM19.68 juta, RM15.19 juta dan RM17.30 juta. KLPK juga telah menyasarkan bagi tempoh yang sama jualan hasil sawit masing-masing adalah berjumlah RM15.19 juta, RM13.50 juta dan RM15.93 juta. Bagi kilang getah, KLPK menyasarkan jualan SMR berjumlah RM2.48 juta pada tahun 2016, RM2.04 juta pada tahun 2017 dan RM2.74 juta pada tahun 2018.
- Berdasarkan Laporan KPI yang disediakan, jualan getah kering, BTS dan SMR bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018 mencapai antara 69.1% hingga 143.3% berbanding sasaran seperti dalam **Jadual 13**.

JADUAL 13
PRESTASI PENJUALAN HASIL LADANG DAN KILANG GETAH
BAGI TEMPOH TAHUN 2016 HINGGA 2018

KATEGORI	TAHUN	JENIS HASIL/ LADANG KILANG	JUALAN HASIL SETAHUN (RM JUTA)			PENCAPAIAN (%)
			SASARAN	SEBENAR	LEBIHAN / (KURANGAN)	
Ladang	2016	Getah kering	19.68	20.59	0.91	104.6
		BTS	15.19	14.06	(1.13)	92.6
	2017	Getah kering	15.19	21.77	6.58	143.3
		BTS	13.50	17.01	3.51	126.0
Kilang getah	2018	Getah kering	17.30	15.77	(1.53)	91.2
	BTS	15.93	11.01	(4.92)	69.1	
	2016	SMR	2.48	2.44	(0.04)	98.4
	2017		2.04	2.06	0.02	101.0
	2018		2.74	3.37	0.63	123.0

Sumber: Laporan Prestasi Hasil Ladang dan Kilang

- Pada tahun 2016, hasil jualan getah kering adalah berjumlah RM20.59 juta dan meningkat kepada RM21.77 juta pada tahun 2017. Jumlah tersebut telah melebihi sasaran dengan peratus pencapaian hasil jualan berbanding sasaran adalah sebanyak 104.6% pada tahun 2016 dan 143.3% pada tahun 2017. Bagaimanapun, hasil jualan getah kering pada tahun 2018 menurun kepada RM15.77 juta dengan peratus pencapaian berbanding sasaran adalah sebanyak 91.2%.
- Selain itu, jualan BTS pada tahun 2016 tidak mencapai sasaran iaitu berjumlah RM14.06 juta dengan peratus pencapaian sebanyak 92.6% berbanding sasaran yang ditetapkan. Pada tahun 2017, jumlah jualan meningkat kepada RM17.01 juta dengan peratus pencapaian sebanyak 126% berbanding sasaran. Bagaimanapun, jumlah jualan BTS menurun kepada RM11.01 juta dengan peratus pencapaian sebanyak 69.1% berbanding sasaran pada tahun 2018.
- Bagi prestasi jualan SMR, peratus pencapaian jualan berbanding sasaran menunjukkan peningkatan bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018, iaitu masing-masing adalah sebanyak 98.4%, 101% dan 123%. Bagaimanapun, analisis Audit mendapati jumlah hasil jualan SMR pada tahun 2017 menurun kepada RM2.06 juta berbanding RM2.44 juta pada tahun 2016. Namun begitu, jualan SMR meningkat kepada RM2.74 juta pada tahun 2018.

- Faktor utama yang mempengaruhi prestasi jualan hasil ladang dan kilang getah bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018 antaranya adalah disebabkan oleh perubahan harga pasaran bagi getah dan kelapa sawit. Selain itu, jumlah pengeluaran bagi getah kering dan BTS yang menunjukkan trend penurunan juga turut menjadi penyumbang kepada prestasi jualan bagi komoditi tersebut. Perkara ini akan memberi kesan kepada pendapatan KLPK dan secara tidak langsung boleh menjaskan kedudukan kewangan syarikat.

Maklum balas KLPK yang diterima pada 19 September 2019

Jumlah pengeluaran hasil ladang menyusut kerana pengurangan keluasan matang yang mengeluarkan hasil pada umur optimum iaitu antara 10 hingga 20 tahun bagi kelapa sawit dan getah. Bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018, sebanyak 60% daripada kawasan yang mengeluarkan hasil adalah dalam kategori pokok muda yang belum mencapai pengeluaran hasil yang optimum. Selain itu, program penanaman semula juga telah mengurangkan pengeluaran hasil ladang.

Di samping itu, pengeluaran SMR untuk tempoh tahun 2016 hingga 2018 menunjukkan trend penurunan kerana kekurangan bekalan getah kering disebabkan penanaman semula getah yang ditukarkan kepada tanaman kelapa sawit. Bagi meningkatkan kapasiti pengeluaran kilang getah, pengurus KLPK telah memutuskan untuk membuat pembelian getah kering dan mengambil upah proses bahan mentah dengan kaedah *tolling process* daripada pihak luar.

Selain kesan daripada pengurangan pengeluaran hasil ladang, prestasi jualan hasil ladang dan kilang getah juga dipengaruhi oleh penurunan harga pasaran getah dan kelapa sawit bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018.

Pada pendapat Audit, prestasi pencapaian output bagi pengeluaran dan penjualan hasil ladang serta kilang masih belum mencapai tahap kecekapan yang optimum kerana masih terdapat ladang yang tidak mencapai sasaran yang ditetapkan.

b. Pencapaian *Outcome*

i. Prestasi Pengurusan Ladang dan Kilang Getah Milik PKNK

- Pencapaian *outcome* dinilai berdasarkan kemampuan syarikat dalam mencapai objektif penubuhannya. Objektif penubuhan KLPK adalah untuk mengurus semua ladang dan kilang getah milik PKNK. KLPK telah menguruskan 11 ladang yang merangkumi tanaman getah dan kelapa sawit berkeluasan 9,743.01 hektar serta kilang getah sebagaimana perjanjian yang telah dimeterai. Berdasarkan perjanjian tersebut, KLPK menerima yuran pengurusan ladang dan komisen daripada jualan hasil ladang dan kilang yang diuruskan.
- Analisis Audit terhadap Laporan Prestasi Ladang dan Kilang bagi tempoh tahun 2016 hingga bulan Mei 2019, sebanyak 10 daripada 11 ladang serta kilang getah yang diuruskan telah mengeluarkan hasil dan merupakan penyumbang utama kepada pendapatan KLPK. Ladang yang belum mengeluarkan hasil ialah Ladang Caruk Genting Bunga kerana tanamannya yang masih belum matang. Secara keseluruhan, keuntungan daripada operasi ladang dan kilang getah yang diuruskan bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018 adalah antara RM1.68 juta hingga RM8.97 juta seperti dalam **Jadual 14**.

JADUAL 14
KEUNTUNGAN DARI OPERASI LADANG DAN KILANG GETAH MILIK PKNK
BAGI TEMPOH TAHUN 2016 HINGGA 2018

BIL.	NAMA LADANG	KEUNTUNGAN OPERASI		
		2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	2018 (RM Juta)
1.	Ladang Bukit Perak Utara	0.96	1.44	0.44
2.	Ladang Bukit Perak Selatan	0.92	1.79	0.57
3.	Ladang Sungai Ular	1.47	2.84	0.31
4.	Ladang Pinang Tunggal	0.006	(0.23)	0.03
5.	Ladang Sungai Pau	0.05	0.04	(0.002)
6.	Ladang Bukit Nguan	0.44	1.37	(0.20)
7.	Ladang Laka Temin	(0.13)	0.67	(0.19)
8.	Ladang Aman Jaya	1.28	1.75	0.71
9.	Ladang Gurun	0.19	0.20	0.16
10.	Ladang Jabi	0.01	0.03	0.02
11.	Ladang Caruk Genting Bunga	0	0	0
12.	Kilang Hevea Bukit Perak	(0.94)	(0.93)	(0.17)
JUMLAH KESELURUHAN		4.26	8.97	1.68

Sumber: Laporan Prestasi Ladang PKNK

- Pada tahun 2016, keuntungan operasi ladang dan kilang getah yang dicatatkan adalah berjumlah RM4.26 juta di mana sebanyak sembilan (9) ladang telah mencatatkan keuntungan operasi kecuali Ladang Laka Temin yang mencatatkan kerugian. ***Pada tahun 2017, jumlah keuntungan operasi meningkat kepada RM8.97 juta namun menurun dengan ketara pada tahun 2018 sebanyak RM7.29 juta (81.3%) menjadi RM1.68 juta.*** Bilangan ladang yang mencatatkan keuntungan operasi pada tahun 2018 juga menurun kepada tujuh (7) ladang berbanding sembilan (9) ladang pada tahun 2016 dan 2017. Selain itu, kilang getah telah mencatatkan kerugian berjumlah RM0.94 juta pada tahun 2016, RM0.93 juta pada tahun 2017 dan RM0.17 juta pada tahun 2018.
- Penurunan keuntungan operasi yang ketara pada tahun 2018 antaranya adalah disebabkan oleh prestasi jualan getah kering, BTS dan SMR yang menurun dan tidak mencapai sasaran yang ditetapkan. Selain itu, program penanaman semula di empat (4) Ladang PKNK turut memberi kesan kepada keuntungan operasi ladang. Perkara ini secara tidak langsung turut menjelaskan pulangan kepada PKNK.

Maklum balas KLPK yang diterima pada 19 September 2019

Kesan daripada penurunan jumlah pengeluaran dan harga pasaran komoditi getah dan kelapa sawit merupakan faktor utama penyumbang kepada penurunan keuntungan operasi Ladang PKNK. Selain itu, kerugian yang dicatatkan oleh beberapa ladang yang dinyatakan adalah kerana ladang tersebut baru sahaja mengeluarkan hasil getah untuk tahun pertama hingga tahun ketiga menyebabkan prestasi pengeluarannya masih tidak berada pada tahap yang optimum. Turut menyumbang kepada penurunan keuntungan operasi ladang tersebut adalah disebabkan peningkatan kos operasi dan belanja pelunasan untuk tanaman getah.

Bagi Kilang Hevea Bukit Perak yang mencatatkan kerugian operasi bagi tempoh tiga (3) tahun berturut-turut adalah disebabkan pengurangan kuantiti pengeluaran getah untuk diproses memandangkan bekalan getah kering hanya bergantung sepenuhnya daripada ladang yang diuruskan oleh KLPK. Sehubungan itu, pada tahun 2019 pihak kilang telah membuat pembelian getah kering dari pembekal luar sebanyak 0.55 juta kg setakat 31 Ogos 2019 bagi meningkatkan kapasiti pengeluaran kilang.

Pada pendapat Audit, pencapaian *outcome* masih tidak mencapai tahap yang optimum kerana keuntungan daripada operasi Ladang PKNK menurun dengan ketara sebanyak RM7.29 juta (81.3%) kepada RM1.68 juta pada tahun 2018. Selain itu, kilang getah mengalami kerugian bagi tempoh tiga (3) tahun berturut-turut.

6.2.2. Pelaksanaan Aktiviti

a. Status Pemilikan Ladang KLPK

- i. Seksyen 85, Kanun Tanah Negara 1965 menyatakan setiap harta tanah beri milik hendaklah mempunyai surat hak milik bagi memperakui pemilik yang sah.
- ii. Selain ladang milik PKNK dan syarikat swasta, KLPK juga mengusahakan ladangnya sendiri iaitu Ladang Naka yang dibeli pada tahun 2009, 2011 dan 2013 dengan kos berjumlah RM4.29 juta. Ladang Naka terdiri daripada lima (5) ladang getah yang terletak di sekitar daerah Padang Terap antaranya seperti **Gambar 3** dan **4**. Pihak Audit dimaklumkan Ladang Naka dibeli daripada penduduk setempat yang telah meneroka tanah tersebut. Keluasan tanah ladang tersebut adalah 377.24 hektar yang terdiri daripada 85 lot tanah.

GAMBAR 3



Ladang Durian Wahab, Padang Terap
- Ladang yang Tidak Ditukar Hak Milik
(25.07.2019)

(Sumber: Jabatan Audit Negara)

GAMBAR 4



Ladang Charok Tawar, Padang Terap
- Ladang yang Tidak Ditukar Hak Milik
(25.07.2019)

(Sumber: Jabatan Audit Negara)

- iii. Semakan Audit mendapati **59 daripada jumlah lot tanah tersebut yang berkeluasan 188.07 hektar mempunyai dokumen hak milik sementara (H.S.(M))**. Semakan Audit mendapati sehingga tarikh pengauditan, lot tersebut **masih belum dipindah milik kepada KLPK**. Bagaimanapun, KLPK telah memperoleh *power of*

attorney dan telah memasukkan kaveat terhadap tanah tersebut bagi menjaga kepentingan KLPK.

- iv. Semakan Audit selanjutnya mendapati 26 lot tanah seluas 189.17 hektar masih berstatus tanah Kerajaan. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada permohonan tanah Kerajaan tersebut telah dibuat kepada pejabat tanah. Perincian berhubung status tanah Ladang Naka seperti dalam **Jadual 15**.

JADUAL 15
STATUS TANAH LADANG NAKA DI DAERAH PADANG TERAP

BIL.	LOKASI LADANG	JUMLAH LOT	KELUASAN (Hektar)
A. Tanah Mempunyai Hak Milik Sementara (Keveat)			
1.	Charok Durian Wahab	24	85.75
2.	Charok Tawar	10	37.36
3.	Bukit Masjid	6	15.27
4.	Bukit Dada Ayam	19	49.69
JUMLAH		59	188.07
B. Tanah Kerajaan			
1.	Charok Durian Wahab	2	8.08
2.	Charok Tawar	2	36.34
3.	Bukit Masjid	19	54.10
4.	Sungai Agong	3	90.65
JUMLAH		26	189.17
JUMLAH KESELURUHAN		85	377.24

Sumber: Rekod KLPK

- vi. Perkara ini berlaku kerana status keseluruhan tanah ladang tersebut merupakan tanah rezab Melayu dan KLPK perlu mengeluarkan kos yang tinggi untuk proses pindah milik serta permohonan tanah Kerajaan. Ketiadaan hak milik yang sah boleh menyebabkan KLPK berisiko terlepas hak milik terhadap tanah ladang tersebut.

Maklum balas KLPK yang diterima pada 19 September dan 8 Oktober 2019

Pengurusan KLPK telah memutuskan untuk melantik PKNK sebagai pemegang amanah bagi pihak KLPK untuk menyelesaikan urusan pindah milik tanah dan permohonan tanah Kerajaan bagi Ladang Naka. Perjanjian persefahaman dengan PKNK telah ditandatangani pada 29 September 2019 bagi tujuan tersebut.

Pada pendapat Audit, status pemilikan tanah yang tidak jelas boleh memberi risiko kepada KLPK terlepas hak milikan terhadap tanah ladang tersebut dan boleh menyebabkan KLPK mengalami kerugian.

b. Perjanjian Pengurusan Ladang

- i. Seksyen 2(h) Akta Kontrak 1950 (Akta 136) menyatakan suatu perjanjian yang boleh dikuatkuasakan oleh undang-undang adalah satu kontrak. Selain itu, Seksyen 10(1) dan 10(2) Akta Kontrak 1950 (Akta 136) menyatakan perjanjian merupakan dokumen penting yang perlu disediakan untuk memastikan pihak yang berkepentingan mempunyai ikatan perundangan yang jelas, lengkap dan melindungi kepentingan semua pihak yang terlibat.
- ii. Semakan Audit mendapati ***KLPK telah menguruskan Ladang Kuala Ketil yang dimiliki oleh syarikat swasta sejak tahun 90an tanpa sebarang perjanjian*** Pada tahun 2009, draf perjanjian telah disediakan, bagaimanapun tidak ditandatangani oleh kedua-dua pihak. Berdasarkan maklum balas daripada KLPK, terdapat terma dan syarat yang tidak dipersetujui oleh kedua-dua pihak yang berkepentingan menyebabkan draf perjanjian yang disediakan tidak ditandatangani.
- iii. Ketiadaan dokumen perjanjian boleh menjelaskan kepentingan syarikat terutamanya jika berlaku pertikaian antara kedua-dua pihak. Perkara ini juga menyebabkan tiada sumber rujukan yang jelas mengenai terma dan syarat perjanjian seperti mana yang telah dipersetujui.

Maklum balas KLPK yang diterima pada 19 September 2019

Perjanjian pengurusan ladang dengan pihak swasta yang terlibat masih dalam proses perbincangan untuk tujuan penyediaan dokumen perjanjian.

Pada pendapat Audit, ketiadaan dokumen perjanjian akan menyebabkan kepentingan syarikat terjejas.

6.3. Kedudukan Kewangan

6.3.1. Analisis terhadap kedudukan kewangan KLPK bagi tahun 2016, 2017 dan 2018 telah dilaksanakan merangkumi pendapatan, perbelanjaan dan untung rugi, aset dan liabiliti serta kesetaraan tunai seperti dalam **Jadual 16**.

JADUAL 16
KEDUDUKAN KEWANGAN BAGI TAHUN 2016, 2017 DAN 2018

BUTIRAN	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	2018 (RM Juta)
Pendapatan	28.36	27.14	25.76
Lain-lain Pendapatan	0.80	0.75	1.50
JUMLAH PENDAPATAN	29.16	27.89	27.26
Kos Jualan	(24.44)	(22.57)	(23.31)
Belanja Pentadbiran	(4.48)	(4.94)	(3.84)
Kos Kewangan	(0.10)	(0.05)	(0.04)
JUMLAH PERBELANJAAN	(29.02)	(27.56)	(27.19)
KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI	0.14	0.33	0.07
Cukai	(0.10)	(0.74)	(1.67)
KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) SELEPAS CUKAI	0.04	(0.41)	(1.60)
KEUNTUNGAN TERKUMPUL	18.37	17.64*	16.04
Dividen	(0.15)	(0.15)	0.00
JUMLAH ASET	42.59	40.88	41.10
JUMLAH LIABILITI	21.22	20.25	22.06
JUMLAH EKUITI	21.37	20.63	19.04
JUMLAH LIABILITI DAN EKUITI	42.59	40.88	41.10
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN	5.63	4.44	4.69

Sumber: Penyata Kewangan Beraudit Tahun 2016, 2017 dan 2018

Nota: (*) - Keuntungan terkumpul tahun 2017 dinyatakan semula selepas pelarasan keuntungan hasil getah tahun 2015

6.3.2. Pendapatan utama KLPK terdiri daripada yuran pengurusan ladang, komisen jualan hasil ladang dan kilang getah PKNK serta jualan getah Ladang Naka. Di samping itu, KLPK juga menerima lain-lain pendapatan seperti faedah simpanan tetap, keuntungan atas pelupusan aset, sewa tanah, dividen dan pelbagai terimaan lain. Pendapatan KLPK menunjukkan trend penurunan bagi tempoh tahun 2016 sehingga 2018. Analisis Audit terhadap pendapatan KLPK mendapati **jumlah pendapatan bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018 menunjukkan trend penurunan masing-masing berjumlah RM29.16 juta, RM27.89 juta dan RM27.26 juta**. Penurunan pendapatan bagi tempoh tersebut adalah kesan daripada pengurangan komisen yang diterima daripada jualan hasil ladang dan kilang getah milik PKNK dan pengurangan hasil jualan getah. Trend pendapatan bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018 adalah seperti dalam **Carta 2**.


6.3.3. Perbelanjaan KLPK terdiri daripada kos jualan, belanja pentadbiran dan kos kewangan. Kos jualan KLPK antaranya terdiri daripada kos pengeluaran, pembelian *cup lump*, penjagaan dan penanaman getah dan kelapa sawit. Belanja pentadbiran pula terdiri daripada emolumen kakitangan, ganjaran pengarah, penyelenggaraan kenderaan dan lain-lain kos pentadbiran. Kos kewangan terdiri daripada faedah atas pemutang sewa beli dan pinjaman berjangka serta caj bank.

6.3.4. Pada tahun 2018, perbelanjaan KLPK adalah berjumlah RM27.19 juta, iaitu menurun sejumlah RM0.37 juta (1.3%) berbanding RM27.56 juta pada tahun 2017. Perbelanjaan pada tahun 2017 juga menunjukkan penurunan sejumlah RM1.46 juta (5%) berbanding RM29.02 juta pada tahun 2016. Pada tahun 2018, penurunan perbelanjaan berlaku disebabkan pengurangan dalam belanja pentadbiran sejumlah RM1.10 juta (22.3%) kepada RM3.84 juta berbanding RM4.94 juta pada tahun 2017. Belanja pentadbiran yang mengalami pengurangan termasuklah perbelanjaan derma dan sumbangan CSR serta ganjaran Lembaga Pengarah. Selain itu, penurunan perbelanjaan bagi tahun 2017 adalah disebabkan oleh pengurangan kos jualan sejumlah RM1.87 juta (7.7%) kepada RM22.57 juta berbanding RM24.44 juta pada tahun 2016.

6.3.5. Analisis Audit selanjutnya terhadap perbelanjaan pentadbiran bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018 mendapat sebanyak 29.3% daripada RM4.48 juta pada tahun 2016, 29% daripada RM4.94 juta pada tahun 2017 dan 22.1% daripada RM3.84 juta pada tahun 2018 merupakan perbelanjaan yang melibatkan derma dan sumbangan CSR serta ganjaran Lembaga Pengarah. Trend perbelanjaan bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018 adalah seperti dalam **Carta 2**.


6.3.6. Trend pendapatan dan perbelanjaan mendapat KLPK mencatatkan **keuntungan sebelum cukai berjumlah RM70,138 pada tahun 2018, iaitu menurun sejumlah RM260,940 (78.8%) berbanding RM331,078 pada tahun 2017**. Penurunan keuntungan sebelum cukai pada tahun 2018 disebabkan kesan daripada pengurangan pendapatan utama KLPK di samping berlaku peningkatan pada kos jualan dalam tahun tersebut. Selain itu, keuntungan sebelum cukai pada tahun 2017 mencatatkan peningkatan sejumlah RM194,793 (142.9%) berbanding RM136,285 pada tahun 2016. Penurunan keuntungan sebelum cukai telah menyebabkan kerugian bersih selepas cukai meningkat, secara tidak langsung memberi kesan kepada penurunan keuntungan terkumpul syarikat bagi tempoh tersebut. Sehingga 31 Disember 2018, keuntungan terkumpul KLPK adalah berjumlah RM16.04 juta. Butiran lanjut seperti dalam **Carta 3**.

CARTA 2
TREND PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN
BAGI TAHUN 2016, 2017 DAN 2018



Sumber: Penyata Kewangan Beraudit Tahun 2016, 2017 Dan 2018

CARTA 3
TREND KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) SEBELUM
CUKAI DAN KEUNTUNGAN TERKUMPUL
BAGI TAHUN 2016, 2017 DAN 2018



6.3.7. KLPK merekodkan aset syarikat berjumlah RM42.59 juta, RM40.88 juta dan RM41.10 juta masing-masing bagi tahun 2016 hingga 2018. Pada tahun 2018, jumlah aset meningkat kerana pertambahan aset bukan semasa dan aset semasa iaitu amaun ter hutang daripada subsidiari dan penghutang perdagangan. Bagaimanapun, jumlah aset menurun pada tahun 2017 disebabkan oleh pengurangan aset bukan semasa iaitu aset biologi yang merupakan perbelanjaan modal bagi program penanaman semula yang bermula daripada peringkat penyediaan tapak sehingga peringkat tanaman matang. Pengurangan aset biologi ini berlaku kerana terdapat pelarasan disebabkan perubahan kepada polisi piawaian perakaunan, iaitu *Malaysian Private Entities Reporting Standard* (MPERS) yang diguna oleh KLPK. Selain itu, pengurangan aset semasa bagi tunai di tangan dan di bank turut menyumbang kepada penurunan aset KLPK pada tahun 2017.

6.3.8. Liabiliti KLPK bagi tempoh tahun 2016 hingga 2018 masing-masing berjumlah RM21.22 juta, RM20.25 juta dan RM22.06 juta. Peningkatan liabiliti pada tahun 2018 adalah disebabkan oleh pertambahan liabiliti semasa bagi peruntukan cukai serta pelbagai pembiutang dan akruan. Penurunan liabiliti pada tahun 2017 adalah disebabkan pengurangan liabiliti semasa bagi pelbagai pembiutang dan akruan.

6.3.9. Melalui analisis nisbah kewangan, KLPK didapati tidak mempunyai sumber yang mencukupi bagi memenuhi obligasinya pada tahun 2018 kerana kedudukan liabiliti melebihi aset pada nisbah 0.95 berbanding tahun 2017 dan 2016 pada nisbah 1.04. Bagi pengurusan hutang syarikat pula adalah kurang cekap kerana tempoh penyelesaian hutang yang diambil terlalu lama sehingga 80 hari berbanding polisi kredit syarikat iaitu 30 hari. Perkara ini berlaku kerana tindakan kutipan hutang kurang berkesan menyebabkan peningkatan tunggakan penghutang. Selain itu, KLPK hanya menjana pendapatan sejumlah RM1.16 bagi setiap ringgit yang dilaburkan dalam aset bukan semasa pada tahun 2018 berbanding RM1.23 pada tahun 2016 dan 2017.

6.3.10. Analisis Audit turut dijalankan terhadap aliran tunai bagi menilai keupayaan syarikat menjana aliran tunai daripada operasi, pelaburan dan pembiayaan untuk menampung perbelanjaan syarikat. Pada akhir tahun kewangan 2018, KLPK mempunyai baki tunai dan kesetaraan tunai berjumlah RM4.69 juta, iaitu meningkat sejumlah RM0.25 juta (5.6%) berbanding tahun 2017 kesan daripada peningkatan aliran tunai daripada aktiviti pelaburan iaitu sejumlah RM1.03 juta. Pada tahun 2017, baki tunai dan kesetaraan tunai KLPK menunjukkan penurunan sejumlah RM1.19 juta (21.1%) berbanding RM5.63 juta pada tahun 2016. Penurunan tersebut adalah disebabkan oleh peningkatan aliran tunai keluar sejumlah RM0.98 juta daripada aktiviti operasi syarikat.

Maklum balas KLPK yang diterima pada 19 September 2019

Penurunan jumlah pendapatan KLPK adalah disebabkan pengurangan pengeluaran hasil ladang dan kejatuhan harga komoditi getah dan kelapa sawit bagi tempoh 2016 hingga 2018. Perkara ini secara tidak langsung memberi kesan kepada keuntungan syarikat. Pihak KLPK menjangkakan pengeluaran hasil ladang akan meningkat dalam tempoh tiga (3) hingga lima (5) tahun akan datang kerana peningkatan kawasan tanaman matang.

Pada pendapat Audit, berdasarkan analisis kewangan yang dijalankan, secara keseluruhannya kedudukan kewangan KLPK adalah kurang stabil.

7. RUMUSAN KESELURUHAN AUDIT

Secara keseluruhannya, objektif penubuhan KLPK bagi menguruskan ladang dan kilang PKNK telah tercapai. Bagaimanapun, aspek tadbir urus korporat, aktiviti utama dan

kedudukan kewangan KLPK adalah kurang memuaskan. Kelemahan yang dikenal pasti bagi aspek tadbir urus korporat antaranya adalah pembayaran yuran dan faedah Lembaga Pengarah dibuat tanpa mengambil kira kedudukan kewangan syarikat. Selain itu, perbelanjaan derma dan sumbangan CSR tidak mendapat pengesahan dalam AGM. Bagi pengurusan aktiviti, pengeluaran dan penjualan hasil ladang dan kilang menunjukkan trend penurunan bagi tempoh tiga (3) tahun manakala kedudukan kewangan KLPK adalah kurang stabil kerana mencatatkan kerugian bagi dua (2) tahun berturut-turut.

8. SYOR AUDIT

Bagi memantapkan tadbir urus korporat, pihak pengurusan dan Lembaga Pengarah KLPK perlu mengambil langkah proaktif dan berkesan bagi menangani perkara yang dibangkitkan dalam laporan ini. Sehubungan itu, pihak Audit mengesyorkan pihak yang terlibat mengambil tindakan penambahbaikan terhadap perkara berikut:

- 8.1. meningkatkan tadbir urus syarikat selaras dengan peruntukan undang-undang di bawah Akta Syarikat 2016 dan amalan terbaik dengan menentukan aspek peranan serta tanggungjawab Lembaga Pengarah dan Setiausaha Syarikat. Selain itu, SOP yang diguna pakai juga perlu dibentangkan untuk kelulusan Lembaga Pengarah;
- 8.2 pemantauan terhadap syarikat subsidiari dibuat dengan lebih berkesan antaranya dengan memastikan kajian terperinci dijalankan terhadap setiap projek yang dilaksanakan supaya objektif penubuhannya tercapai;
- 8.3. SOP kewangan berkaitan dengan perbelanjaan perlu dibuat penambahbaikan seperti menetapkan had kuasa melulus dan menentukan jenis perbelanjaan yang dibenarkan supaya tidak berlaku perbelanjaan tanpa kawalan;
- 8.4. membuat perancangan dan melaksanakan pemantauan yang lebih berkesan terutamanya terhadap ladang yang mencapai pengeluaran hasil ladang yang rendah; dan
- 8.5. memaksimumkan kapasiti pengeluaran SMR di kilang getah dengan menambah jumlah pembelian getah kering daripada pihak luar bagi meningkatkan hasil jualan getah.


PENUTUP

PENUTUP

1. Secara keseluruhan, pengauditan yang dijalankan mendapati masih wujud kelemahan dalam pelaksanaan program/projek/aktiviti kerajaan. Kelemahan ini menyebabkan objektif pelaksanaan program/projek/aktiviti tidak dapat dicapai sepenuhnya dan kurang memberi impak kepada kumpulan sasaran. Namun begitu, pihak agensi dan syarikat kerajaan yang terlibat telah mengambil tindakan terhadap sebahagian daripada teguran audit yang dibangkitkan dalam LKAN Siri 3 ini. Sebagai rumusan, empat (4) cadangan utama telah dikemukakan untuk mengatasi kelemahan yang dibangkitkan:
 - a. Aspek pemantauan dan penyeliaan masih perlu dipertingkat dan dilakukan secara berterusan terhadap kerja yang dilaksanakan oleh kakitangan pelaksana, kontraktor dan vendor. Manakala bagi aktiviti operasi yang tertakluk kepada peruntukan undang-undang, aspek penguatkuasaan perlu diberi penekanan untuk meningkatkan tahap pematuhan.
 - b. Agensi dan syarikat kerajaan negeri yang terlibat bukan sahaja perlu mengambil tindakan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, malah perlu bertindak dengan cepat sebaik sahaja masalah atau kelemahan itu dikenal pasti. Pegawai Pengawal/Ketua Pegawai Eksekutif juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama berlaku dalam aktiviti lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.
 - c. Aspek latihan juga perlu diberi perhatian kepada setiap peringkat pegawai/kakitangan bagi meningkatkan lagi kompetensi mereka dalam pengurusan dan pelaksanaan program/projek/aktiviti kerajaan serta pengurusan syarikat kerajaan.
 - d. Agensi Kerajaan Negeri dan Lembaga Pengarah syarikat perlu memantau aktiviti syarikat kerajaan untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan kerajaan, berdaya saing serta bagi memastikan objektif penubuhan syarikat tercapai sepenuhnya.
2. Di samping memenuhi kehendak perundangan, saya berharap laporan ini dapat dijadikan asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan lagi usaha penambahbaikan serta meningkatkan akauntabiliti dan integriti sektor awam di Malaysia. Laporan ini juga penting dalam usaha kerajaan untuk meningkatkan produktiviti, kreativiti dan inovasi dalam perkhidmatan awam serta mewujudkan budaya kerja yang cepat, tepat dan berintegriti.

**Ketua Audit Negara
Malaysia**

**Putrajaya
14 Mei 2020**



AKRONIM

AKRONIM

ADUN	Ahli Dewan Undangan Negeri
AGM	<i>Annual General Meeting</i>
BDB	Bina Darulaman Berhad
BIL.	Bilangan
BTS	Buah Tandan Segar
CSR	<i>Corporate Social Responsibility</i>
DUN	Dewan Undangan Negeri
EGM	<i>Extraordinary General Meeting</i>
H.S.(M)	Hak Milik Sementara
INTOSAI	<i>The International Organisation of Supreme Audit Institutions</i>
JAN	Jabatan Audit Negara
JKR	Jabatan Kerja Raya
JPS	Jabatan Pengairan dan Saliran
KBB	Koperasi Beris Berhad
KHBP	Kilang Hevea Bukit Perak
KHTP	Kulim Hi-Tech Park
KLPK	Kumpulan Ladang-Ladang Perbadanan Kedah Sdn. Bhd.
KPI	<i>Key Performance Indicator</i>
KUIN	Kolej Universiti Insaniah (UniSHAMS)
LPS	Lesen Pendudukan Sementara
M&A	Memorandum dan Artikel Penubuhan Syarikat
m²	Meter Persegi
MCCG	<i>Malaysian Code on Corporate Governance</i>
MKD	Menteri Kewangan Diperbadankan
MMK	Majlis Mesyuarat Kerajaan
MPERS	<i>Malaysian Private Entities Reporting Standard</i>
MPKK	Majlis Perbandaran Kulim Kedah
MPOB	Lembaga Minyak Sawit Malaysia
MSPO	<i>Malaysian Sustainable Palm Oil</i>
NO.	Nombor
OSC	Unit Pusat Setempat
PBT	Pihak Berkuasa Tempatan
PDT	Pejabat Daerah dan Tanah
PKNK	Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah
SMR	<i>Standard Malaysian Rubber</i>



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
KUALA LUMPUR, 2020
www.printnasional.com.my
email: cservice@printnasional.com.my
Tel.: 03-92366895 Faks: 03-92224773



Jabatan Audit Negara
Aras 1-9, Block F2 & F3, Kompleks F
Lebuh Perdana Timur, Presint 1
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62000 Putrajaya, Malaysia
www.audit.gov.my